

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 10

Hari Rabu

28 Mei 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997

(Ruangan 40)

Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997

(Ruangan 105)

Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997

(Ruangan 124)

Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan) 1997

(Ruangan 134)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggaj Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.

(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 28hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PASUKAN KRIKET ISRAEL KE MALAYSIA - DASAR

1. Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah dasar luar negara kita terhadap Israel berkaitan dengan kehadiran pasukan kriket Israel dalam pertandingan di negara kita.

Menteri Luar Negeri [Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak berniat untuk mengadakan perhubungan diplomatik dengan Israel selagi Israel tidak berusaha ke arah memenuhi tanggungjawab sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian damai yang telah diadakan antara pihak Palestin dan Israel semasa Rabin memimpin Israel dahulu.

Tindakan kita untuk membenarkan Israel mengambil bahagian dalam Pertandingan Kriket Antarabangsa di Kuala Lumpur tidak bermakna bahawa kita telah melonggarkan pendirian kita ataupun dasar kita terhadap Israel. Kita hanya melaksanakan satu tanggungjawab kita kerana Malaysia menjadi tuan rumah kepada Pertandingan Kriket Antarabangsa dan pertandingan ini dikelolakan di bawah International Cricket Council yang Israel menjadi ahli kepada majlis itu. Itu sahaja, tidak lebih daripada itu.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu selain daripada pasukan kriket daripada Israel yang datang ke negara kita, adakah

pelancong-pelancong Israel dari segi badan perniagaannya atau pelancong yang datang ke negara kita, selain daripada badan kriket?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, pelancong-pelancong tidak ada yang datang ke Malaysia dengan pasport Israel.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini mungkin ada kaitnya juga, sejak akhir-akhir ini saya lihat bahawa banyak pakej umrah yang dikelolakan oleh pihak-pihak tertentu di mana salah satu destinasi untuk pakej umrah itu ialah ke Baitul Muqaddis. Bagaimana kedudukan perkara ini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini juga ialah kita pun sekarang ini tidak memberi perlonggaran sepertimana yang kita beri dahulu, tetapi masih ada lagi permohonan supaya kebenaran itu diberikan dan sebaiknya pada waktu ini memandang kepada situasi di Israel sekarang ini dan juga di kawasan yang hari ini di bawah pentadbiran pihak berkuasa Palestin ada keadaan yang agak genting dan selalu kita lihat ada bermacam-macam pergaduhan, jadi adalah lebih baik jika sekiranya rakyat Malaysia tidak membuat rancangan untuk membuat lawatan ke Jerusalem.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah.

Tuan Haji Othman bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 2.

TEKSI MENGGUNAKAN TAMBANG METER BARU - KEBERKESANAN

2. Tuan Haji Othman bin Yunus [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) sejak peraturan meter baru dan tambang baru teksi diadakan, adakah perkhidmatan pengangkutan awam menggunakan teksi di Bandaraya Kuala Lumpur memuaskan; dan
- (b) sejak peraturan itu dikuatkuasakan, adakah pihak berkuasa mengambil tindakan kepada pemandu yang melanggar peraturan

seperti mengenakan tambang lebih, tidak mahu mengambil penumpang dan lain-lain kesalahan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini pihak kerajaan telah memperkenalkan kadar tambang baru untuk teksi di Kuala Lumpur dan kita dapati bahawa sejak pelaksanaan kadar tambang baru tersebut mutu perkhidmatan teksi telah bertambah baik. Dua tahun yang lalu pihak Institut Teknologi MARA telah membuat satu kajian di Kuala Lumpur dan kajian tersebut mendapat bahawa lebih 50% daripada pemandu teksi telah tidak menggunakan meter dan tahap perkhidmatannya adalah begitu rendah sekali mengikut pandangan yang diperolehi daripada responden hasil kajian yang dibuat oleh pihak ITM itu dua tahun yang lalu.

Sejak awal tahun ini kita dapati bahawa perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur bertambah baik. Dalam pada itu, saya mengakui bahawa ada lagi pemandu teksi yang ingkar mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka termasuklah enggan mengambil penumpang dan juga enggan menggunakan meter. Daripada operasi yang dibuat oleh kementerian adalah didapati bahawa 90% daripada aduan yang diterima ataupun kesalahan yang dibuat oleh pemandu teksi melibatkan keengganan mereka untuk mengambil penumpang dan kira-kira 10% melibatkan keengganan mereka untuk menggunakan meter.

Selain daripada memperkenalkan kadar tambang baru, kementerian juga telah mengadakan kursus untuk pemandu teksi. Kementerian telah juga memperkenalkan uniform baru untuk pemandu teksi di Kuala Lumpur, iaitu seluar gelap dan berbaju putih. Kita juga telah menetapkan syarat supaya pemandu teksi mempamerkan kadar tambang dalam teksi dan meletakkan satu notis yang boleh dilihat dengan jelas di luar iaitu 'Dijemput Naik'. Ini adalah dalam usaha untuk memperbaiki perkhidmatan teksi. Pihak

JPJ juga mengadakan operasi dan melihat kepada keadaan kebersihan luar teksi. Jika sekiranya teksi didapati tidak terurus dengan baik, maka pihak JPJ tidak teragak-agak untuk menarik balik lesen yang telah diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kementerian menjalankan penguatkuasaan, sehingga hari ini 136 teksi telah pun dibatalkan pendaftaran mereka. Kita berpendapat adalah perlu diambil tindakan tegas terhadap pemandu teksi ini supaya Kuala Lumpur dapat dibersihkan daripada pemandu-pemandu teksi yang tidak bertanggungjawab yang melanggar peraturan. Selain dari itu, 80 lagi aduan sedang disoal siasat oleh pihak kementerian. Dengan pembaharuan yang diperkenalkan dan juga tindakan tegas yang telah diambil, maka perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur telah bertambah baik. Tetapi saya mengakui bahawa ada lagi beberapa, dengan izin, 'black sheep' di kalangan mereka yang tidak mematuhi peraturan dan kita sentiasa mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur ini berada pada tahap yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah jumlah teksi yang beroperasi di Bandaraya Kuala Lumpur sehingga ini dan adakah kerana bilangan teksi yang terlalu banyak ini menyebabkan kesesakan lalu lintas dalam Bandaraya Kuala Lumpur? Apakah syarikat-syarikat yang memiliki teksi-teksi yang beroperasi sekarang?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut kajian kementerian, kita kekurangan teksi. Oleh hal yang demikian, maka kementerian pada sebulan yang lalu telah pun meluluskan 850 permit teksi baru kepada 8 buah syarikat yang sedang beroperasi. Ini merupakan ganjaran kepada syarikat-syarikat yang kerajaan menganggap menjalankan perkhidmatan dengan baik, mempunyai rekod yang terpuji

dengan pihak Polis dan JPJ. Sebagai ganjaran setelah membuat penilaian sewajarnya, kita telah menambah bilangan teksi sebanyak 850 buah. Jadi, di Kuala Lumpur ini keadaannya bukan bilangan berlebihan, tetapi sebenarnya tidak cukup dan kita telah menambah dan kita akan menambah bilangan dari masa ke semasa.

Pada hari ini kita ada 11,275 buah teksi di Kuala Lumpur. Di Johor Bahru pun ada 2,356. Kesemuanya di seluruh negara terdapat kira-kira 15,000 buah tetapi kebanyakannya adalah di Lembah Klang.

Mengenai syarikat-syarikat ini panjang senarainya, beberapa ratus, kira-kira 400 syarikat yang mempunyai permit teksinya ada satu, dua permit, yang paling banyak 100 sebelum ini. Syarikat yang paling besar mempunyai 100 buah teksi, tetapi dengan langkah yang kita ambil baru-baru ini menambahkan bilangan sebanyak 850 buah, maka kita harap akan melihat syarikat yang besar sedikit, yang mampu memberi perkhidmatan yang lebih ekonomikal, yang lebih baik kepada para pengguna di Kuala Lumpur.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah teksi ini adalah merupakan masalah saya rasa sudah lama, dalam Dewan ini pun ramai telah kemukakan, pada hemat saya masalahnya ialah pemandu teksi. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menapis atau skrin pemandu-pemandu teksi yang akan dibolehkan untuk membawa teksi supaya dapat kita mengatasi masalah-masalah ini, mungkin dari segi latar belakangnya dan juga mungkin kemampuannya membawa teksi, kadang-kadang ada orang yang sudah tua membawa teksi ataupun ada yang sudah membawa teksi beberapa jam yang tertentu dan mungkin dia letih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini memang tidak ada tapisan teliti sebelum seseorang pemandu itu dibenarkan membawa teksi. Yang diperlukan cuma lesen PSV (Public Service Vehicle). Itu sahaja yang diperlukan, tidak

ada tapisan, tidak temu duga (interview) dan kerajaan sekarang ini sedang merangka kaedah yang lebih ketat dengan menapis mereka.

Sebagai langkah permulaan, kita telah mengadakan kursus untuk pemandu teksi yang sedia ada. Kita sudah pun menjalankan satu kursus dan pada hari ini pun sedang menjalani satu lagi kursus dan petang ini saya akan merasmikan majlis penutup satu lagi kursus untuk pemandu teksi. Jadi, yang kita buat sekarang ini ialah untuk memberi penerangan dan kursus kepada pemandu-pemandu yang sedia ada. Kerajaan dalam proses untuk memastikan bahawa pemandu teksi yang kalau dahulunya tidak ditapis dengan teliti, di masa akan datang kita akan memperketatkan syarat-syarat sebelum seseorang itu boleh memandu teksi di Kuala Lumpur.

PELABURAN OLEH NEGARA HUNGARY - BIDANG

3. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil daripada lawatan oleh Perdana Menteri Hungary baru-baru ini dari segi menarik pelaburan daripada negara Hungary kerana kepakaran mereka di dalam bidang pengeluaran jentera berat, kejuruteraan kereta api, transmissi kuasa dan pembuatan produk yang berasaskan kayu-kayan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, semasa Perdana Menteri Hungary membuat lawatan ke Malaysia, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri kita. Dalam perbincangan itu Perdana Menteri Hungary telah memberi pengakuan yang Hungary akan membuat pelaburan dalam pelbagai bidang iaitu bidang kejuruteraan telekomunikasi, kejuruteraan elektronik, elektrik, kejuruteraan lokomotif dan juga di samping itu beliau telah menyatakan yang Malaysia akan dijadikan sebagai pusat bagi pengedaran barang-barang yang akan dieksport dari Hungary ke tempat kita ini, ke Tenggara Asia. Jadi, kita akan menjadi tempat mengedar barang-barang mereka.

Lagi satu pula, semasa lawatan itu, satu perjanjian usahasama telah ditandatangani antara syarikat Hungary dan sebuah syarikat Malaysia. Ini adalah dengan tujuan untuk pemasangan satu jenis kabel yang dengannya akan memperkenalkan teknologi komunikasi yang baru yang sekarang ini dipakai di Eropah dengan meluasnya dengan berjaya. Jadi, dengan itu pihak syarikat daripada Hungary itu akan membuat segala kelengkapan dan segala alat-alat untuk tujuan tersebut dan pihak syarikat di Malaysia ini akan membuat persediaan-persediaan daripada pihaknya untuk membolehkan pekerja-pekerja pakar bekerja dalam syarikat ini supaya nanti dengan adanya teknologi baru dalam bidang pemasangan, khususnya dalam bidang telekomunikasi, maka Malaysia akan dapat manfaat daripada joint venture itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah pun meningkatkan perhubungan dua hala, tiga hala, empat hala yang bersandarkan kepada perdagangan dan pembangunan ekonomi. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, apakah persiapan yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri untuk menjadikan pegawai-pegawai kita di luar negara ini lebih cenderung kepada miliu atau bidang pembangunan ekonomi dan perdagangan, kerana diplomasi sekarang ini saya perhatikan dengan kunjungan Perdana Menteri kita, Menteri Luar Negeri kita dan sebagainya lebih mirip kepada memperluaskan, mengglobalisasikan perdagangan antara dua hala dan multipolar. Jadi, apakah persiapan langkah-langkah kementerian yang dibuat oleh Kerajaan Luar Negeri ke arah menentukan pegawai-pegawai yang bekerja di luar negara ini mempunyai pendedahan yang sesuai bagi tujuan matlamat untuk memperluaskan lagi perdagangan kita?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ada beberapa langkah yang telah diambil, Tuan Yang di-Pertua, iaitu yang pertamanya bagi pegawai-pegawai baru yang dilantik yang akan bekerja dengan Kementerian Luar Negeri, mereka diberi satu kursus di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar. Kursus ini juga melibatkan kursus-kursus yang berkaitan dengan hal pembangunan ekonomi, kerjasama dalam bidang ekonomi, dalam bidang perdagangan, dan juga dalam tajuk-tajuk yang ada hubung kait dengan perkara ini, seperti misalnya kerjasama Selatan-Selatan yang memberi tekanan kepada hubungan kerjasama dalam bidang pembangunan, seperti yang ada hubung kait dengan Kumpulan G-15, satu-satu rancangan kerjasama yang telah ditaja oleh Perdana Menteri kita sendiri. Ini pun memberi tekanan kepada hubungan yang berkaitan dengan kerjasama dalam bidang pembangunan. Bila saya sebut dalam bidang pembangunan, bermakna dalam bidang ekonomi, dalam bidang perdagangan dan dalam bidang sains dan teknologi. Jadi, secara menyeluruh, tidak khusus hanya-sanya kepada aspek ekonomi sahaja seperti dalam bidang pembangunan.

Di samping itu juga, bagi pegawai-pegawai yang akan menghadiri kursus apabila mereka hendak dinaikkan pangkat, maka kursus itu juga memberi tekanan kepada aspek ini. Sebenarnya yang menjadi satu peranan yang baru bagi Wisma Putra sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerana sebelum ini pegawai-pegawai Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri memberi tekanan kepada diplomasi politik. Tetapi ini tidak bermakna bahawa diplomasi politik itu dikurangkan, kerana diplomasi politik itu masih perlu. Kalau kita tidak ada hubungan diplomasi yang baik, masakan kita boleh menjalin kerjasama dalam bidang pembangunan, dalam bidang perdagangan, pelaburan dan sebagainya. Jadi, politik itu penting dan banyak isu yang ada hubung kait dengan perdagangan, yang ada hubung kait dengan pelaburan dan sebagainya. Adalah isu-isu

yang memang boleh dianggap sebagai isu politik, isu human right, isu amalan demokrasi. Walaupun ini politik, tetapi dia hubung kait juga dengan suasana perdagangan, pelaburan antarabangsa.

Juga semasa kita membawa balik pegawai-pegawai kita daripada luar negeri untuk briefing dan sebagainya, maka aspek ini juga diberi tekanan. Duta-duta yang akan kita hantar berkhidmat di luar negeri adalah diarahkan supaya membuat pertemuan dengan pegawai-pegawai tinggi daripada kementerian-kementerian yang berkenaan dan juga membuat pertemuan dengan menteri-menteri yang juga bertanggungjawab tentang portfolio-portfolio berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini bukan ada kaitan dengan Hungary, tetapi ada kaitan dengan ASEAN. Saya mengambil peluang pada hari ini untuk mengemukakan satu soalan yang baru, kerana menteri sendiri ada dan perkara ini banyak ditimbulkan dalam Dewan, iaitu mengikut berita yang kita dapat pada hari ini yang dikeluarkan daripada Phnom Penh, Kampuchea, yang mengatakan negara ASEAN tidak lagi akan menerima kemasukan tiga negara tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan. Adakah berita ini satu berita yang benar dari pihak yang berkenaan, dan adakah ini telah mendapat keputusan yang muktamad dari negara-negara yang ada dalam ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat menjawab, terkeluar daripada soalan asal.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya, itu soalan lain, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya jawab, saya jawablah. Sebenarnya kita belum lagi membuat sebarang keputusan. Apa yang ada sekarang ini hanya spekulasi semata-mata, memandangkan situasi di Kemboja pada hari ini yang dalam keadaan yang tidak menentu.

Tetapi keputusan muktamad akan dibuat semasa Menteri-menteri Luar ASEAN nanti mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini adalah mesyuarat yang formal pada 31hb. dan kita akan membincang perkara ini, perkara kemasukan Myanmar, Kemboja dan Laos. Pada waktu itulah kita akan mengambil kira ataupun memberi pertimbangan kepada situasi-situasi yang wujud dalam negara-negara yang sekarang ini memohon untuk memasuki ASEAN, dan selepas itu kita tengoklah apa keputusan yang akan dibuat. Kita harap kesemuanya dapat diterima untuk menjadi anggota ASEAN, itulah harapan kita.

SARER THAI BERPLUMBUM - PEMERIKSAAN

4. **Tuan Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan seperti yang dilaporkan bahawa sarer Thai mengandungi bahan plumbum yang tinggi kandungannya dan bahaya untuk dimakan. Begitu juga dengan kandungan plumbum yang terdapat di dalam rumpai laut dari China, Taiwan dan Jepun. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian terhadap rumpai laut yang diimport ke negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pada awal bulan Disember 1996, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan kenyataan mengenai bahayanya memakan 'sarer' (sea weeds) atas sebab mendapati ia telah dicemari oleh plumbum melebihi dari paras maksimum yang dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Justeru itu, kementerian ini telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan rumpai laut yang diimport termasuk 'sarer' Thai adalah selamat. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:-

- (i) pemeriksaan ketat ke atas pelbagai jenis rumpai laut yang diimport ke negara ini di pintu-pintu masuk. Rumpai laut yang diperiksa disita. Sekiranya keputusan makmal menunjukkan terdapat

kandungan plumbum melebihi paras maksimum yang dibenarkan, ianya akan dilarang masuk atau dirampas dan dilupuskan.

- (ii) pegawai-pegawai berkuasa di daerah menjalankan operasi pemeriksaan di pasar-pasar tempatan. Di samping itu, operasi juga dijalankan ke atas makanan yang menggunakan rumpai laut atau 'sarer'.
- (iii) kenyataan media, di mana pengguna dimaklumkan untuk tidak memakan 'sarer' tersebut.
- (iv) pengawasan berterusan ke atas 'sarer' sehingga Kementerian Kesihatan berpuas hati ianya tidak membahayakan kesihatan pengguna.

Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menarik balik bahan-bahan makanan yang mengandungi pewarna merbahaya yang boleh menyebabkan masalah kesihatan pengguna?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana makanan yang memberi bahaya kepada rakyat memang kita tarik balik.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan kementerian tentang kedaifan Orang Asli terhadap perubatan moden di mana kita dapati terdapat kes-kes keracunan ubat berlaku terhadap Orang Asli sehingga menyebabkan kematian. Yang kedua, bilakah pihak kementerian ingin mengambil alih fungsi yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang ada sekarang ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua soalan itu terkeluar dari soalan asal. Bolehkah saya minta notis dari Yang Berhormat?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang ini tidak terkeluar daripada soalan asal. Ada di dalamnya sebutan negara 'Thai'. Saya ingin mendapat penjelasan atau bantuan daripada pihak kementerian untuk memenuhi satu hasrat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Perlis yang pada satu ketika telah memaklumkan beliau mendapati bahawa ikan-ikan kering yang diimport dari negara Thai mengandungi racun yang merbahaya. Adakah boleh pihak kementerian membawa pakar-pakar daripada pihak kementerian untuk membuat siasatan, adakah benar ikan-ikan yang dibawa masuk dari negara Thai yang ada dalam pasaran di sebelah utara mengandungi racun-racun yang amat merbahaya kepada pengguna-penggunanya?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, semua makanan yang masuk di pintu-pintu masuk di Malaysia, kita ada check dengan random. Random check kalau ada apa-apa bahan yang bahaya bagi penduduk kita, memang kita ambil tindakan rampas ataupun destroy.

GEJALA SOSIAL - PENGENAAN 'BON' TERHADAP IBU BAPA

5. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian beliau untuk membendung gejala sosial yang melanda negara ini. Nyatakan juga sama ada kerajaan bercadang untuk mengenakan "BON" terhadap ibu bapa sekiranya anak-anak mereka terus melakukan kesalahan di bawah Akta Juvana 1972. Jika ia, bilakah ianyadil dan jika tidak, kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan

Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kerajaan telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Kabinet untuk membanteras masalah sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun menyediakan Pelan Tindakan Sosial Negara (PINTAS) yang antara lainnya meleraikan pendekatan dan strategi penyelesaian masalah

sosial yang sedang melanda negara kita. Program dan aktiviti yang dicadangkan berpaksi kepada lima teras insaniah, iaitu individu, ibu bapa, keluarga, komuniti dan masyarakat. Lima teras sokongan iaitu, pendidikan, media, peruntukan perundangan, kemudahan sosial dan kesihatan.

Perintah bon terhadap ibu bapa, seseorang juvana yang dibuktikan melakukan sesuatu kesalahan telah pun diperuntukkan di bawah Seksyen 12(i)(d) Akta Mahkamah Juvana 1947. Di bawah seksyen berkenaan Mahkamah Juvana adalah berkuasa memerintah ibu bapa atau penjaganya menyempurnakan suatu bon untuk menjalankan pemeliharaan dan penjagaan yang sewajarnya. Selama penguatkuasaan akta ini, Mahkamah Juvana telah pun mengenakan perintah bon terhadap ibu bapa ataupun penjaga seseorang juvana yang dibuktikan melakukan sesuatu kesalahan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat makluman daripada pihak kementerian, sehingga masa ini berapakah jumlah bilangan remaja yang telah dibicarakan di bawah Mahkamah Juvana, dan berapakah bilangan remaja yang telah disahkan kesalahan mereka, dan berapakah bilangan ibu bapa yang telah dikenakan bon-bon terhadap kesalahan anak-anak mereka?

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak boleh memberi jawapan terperinci mengenai semua soalan yang ditimbul oleh Ahli Yang Berhormat, saya ada sedikit catatan dan dari situ saya boleh memberi jawapan setakat mana yang boleh.

Pada tahun 1990 - 1,810 kes terhadap remaja dan juga dikenakan bon terhadap ibu bapa. Tahun 1991 - 1,608 kes, tahun 1992 - 1,766 kes, tahun 1993 - 1,682 kes, tahun

1994 - 1,610 kes, dan tahun 1995 - 1,584 kes. Semua ini dikenakan bon oleh Mahkamah Juvana. Terima kasih.

Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan: Gejala sosial merupakan satu penyakit yang perlu dicegah sebelum ia merebak sampai ke tahap yang serius dan tidak boleh diubati lagi. Gejala-gejala sosial yang melibatkan kes rogol dan membawa senjata bertujuan menyerang adalah di antara yang sangat-sangat membimbangkan selain dari bohsia dan bohjan. Dan yang lebih menyedihkan adalah mereka ini dalam lingkungan umur 10, 12, 13 dan 18. Saya harap kementerian dan

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan?

Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan: Minta untuk soalan tambahan ya. Minta, minta sorry. Saya harap kementerian dan polis akan bekerjasama membanteras masalah ini dengan tindakan yang keras. Dan juga terhadap ibu bapa yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya? Itu ucapan ya. Itu ucapan bukan soalan.

[Ketawa]

Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan: Lalan, lalan juga. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah jawablah ya. *[Ketawa]*

Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan, ucapan sahaja. Ucapan menggulung.

[Ketawa]

Kita pergi ke soalan lainlah. No 6. Boleh jumpa Yang Berhormat Menteri kemudianlah. *[Ketawa]*

CUKAI PENDAPATAN - KEDUDUKAN BADAN KEBAJIKAN DAN PERTUBUHAN SIASAH

6. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Kewangan

menyatakan adakah cukai pendapatan dikenakan juga kepada badan-badan kebajikan dan pertubuhan siasah yang ada di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, semua badan kebajikan atau pertubuhan siasah yang ditubuhkan di negara ini adalah tertakluk kepada cukai pendapatan. Walau bagaimanapun badan-badan kebajikan layak dipertimbangkan pengecualian cukai pendapatan di bawah Perenggan 13 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1997.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bolehkah kerajaan memberikan senarai badan-badan kebajikan dan pertubuhan-pertubuhan yang memiliki harta sebab akhir-akhir ini kita dapati banyak orang kaya yang menggunakan yayasan untuk hendak masuk duit lepas itu ada pula muslihat lain di sebalik itu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan senarai yang lengkap itu saya mohon notis.

MAKANAN BERASAKAN TEPUNG - PERNURUNAN HARGA

7. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kesan penurunan harga barangan dari tepung yang tidak begitu berkesan hasil dari tindakan sesetengah peniaga runcit yang ingin mengekalkan keuntungan besar dalam perniagaan berasaskan barangan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Zeevill @ Shanmugan yang dijadualkan untuk dijawab pada 3hb. Jun 1997, memandangkan kedua-dua soalan ini menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, harga runcit tepung gandum telah diturunkan sebanyak 10 sen sekilogram mulai 16hb. Mac 1997 berikutan penurunan harga bijirin gandum di

pasaran antarabangsa. Harga tepung gandum kegunaan am di seluruh Malaysia sekarang adalah RM1.00 sekilogram.

Kesan penurunan harga tepung gandum sebanyak 10 sen sekilogram terhadap harga makanan yang menggunakan tepung adalah seperti berikut:

Sepatutnya turun

- | | | |
|-------|------------------------|------------|
| (i) | Roti (300gm) | 2 sen |
| (ii) | Roti Canai (sebijji) | 1 -1/2 sen |
| (iii) | Mee Segera (sebungkus) | 1/2 sen |

Oleh kerana kesan penurunan harga adalah terlalu minimum, maka pengusaha-pengusaha restoran dan gerai makanan digesa mempertingkatkan kualiti makanan dan menawarkan perkhidmatan yang lebih baik. Di samping itu, mereka digalakkan menambahkan saiz atau berat makanan di samping mengekalkan harga.

Berikutan dari penurunan harga runcit tepung gandum, kementerian telah dan sedang mengadakan operasi penguatkuasaan yang dinamakan 'Ops Gandum' dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menentukan bahawa pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga makanan mengambil langkah-langkah positif supaya kesan penurunan harga ini sampai kepada pengguna.

Sehingga 24hb. Mei 1997, sebanyak 6,554 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis-premis perniagaan yang menjalankan aktiviti berasaskan tepung gandum termasuklah kedai-kedai roti canai. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan tambahan, saya ambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Megat yang telah dilantik sebagai Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru. Soalan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk membuatkan senarai kedai-kedai yang telah melanggar syarat-syarat menjual barang-barang yang lewat tarikh dan juga menjual barang-barang dengan harga yang begitu mahal. Seperti juga kerajaan mengadakan kedai-kedai harga patut dengan memberi sijil.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Dan untuk maklumam Yang Berhormat, penguatkuasa kementerian ini selalu menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi menentukan bahawa peniaga-peniaga tidak melanggar undang-undang kementerian ini. Seperti peniaga-peniaga diperlukan meletakkan tanda harga ke atas semua barangan yang dijual dan juga mana-mana barang yang telah luput tarikh, penguatkuasa ini akan ambil tindakan dengan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini dari tarikh 1hb. Januari hingga 24hb. Mei 1997 sebanyak 228,224 premis perniagaan telah diperiksa. Dan terdapat bahawa adalah 3,264 orang peniaga yang telah melanggar undang-undang kementerian ini dan telahpun diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta sedikit penjelasan daripada Setiausaha Parlimen yang kata tadi roti canai boleh turun 1/2 sen. Kalau kita turun 1/2 sen mana kita nak dapat tukar wang itu sebab siling yang paling kecil sekarang 1 sen. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat kata tadi kalau kita hendak pulangkan 1/2 sen memang sukarlah. Tetapi saya telah jawab bahawa kementerian ini melalui pemeriksaan dan semua peniaga digesa menaikkan atau

mempertingkatkan kualiti makanan dan menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Jadi mereka bolehlah mengekalkan harga yang biasa.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya kalau harga gandum dinaikkan 20 sen sekilo. Adakah patut roti canai dinaikkan 10 sen sebiji. Apakah cara yang harus dibuat?

Datuk Tan Chai Ho: Kepada fikiran saya memanglah tidak patutlah. Tetapi kita selalu mengkaji apabila kenaikan harga tepung gandum jadi barang-barang yang dibuat daripada tepung gandum. Kita boleh ambil langkah-langkah bagi mengelakkan harganya naik atau turun.

MAKANAN SEGERA - KAWALAN DARI ASPEK KESIHATAN

8. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan banyak makanan segera yang telah menjadi begitu popular di kalangan orang ramai:

- (a) adakah Kerajaan mengenakan garis panduan untuk memastikan aspek penjagaan makanan yang bersih dan selamat; dan
- (b) apakah faktor utama yang menyebabkan keracunan makanan di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, bagi Imenjawab soalan:

- (a) Bahagian Kawalan Mutu Makanan, Kementerian Kesihatan adalah Bahagian yang bertanggungjawab bagi memastikan makanan yang dikendalikan oleh pengusaha makanan adalah selamat dimakan. Bagi tujuan tersebut, bahagian ini mengawal setiap makanan yang dikeluarkan berpandukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Di samping itu Pihak Berkuasa Tempatan juga memainkan peranan menguatkuasakan kebersihan makanan berpandukan Akta Makanan 1983,

Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Undang-undang Kecil kerajaan Tempatan.

Satu peraturan mengenai kebersihan makanan akan dikeluarkan sedikit masa lagi khasnya bagi tujuan kebersihan. Walau bagaimanapun, beberapa kod amali dan garis panduan berhubung dengan pengusaha makanan telah dikeluarkan, antaranya:-

- Kod Amali Makanan Penjaja (1996);
- Garis Panduan Penyajian Hospital (1997);
- Garis Panduan Penyajian Masak Dingin (1997);
- Garis Panduan Kantin Sekolah (1989);
- Buku Panduan Penubuhan dan Pengiktirafan Institusi Latihan Pengendali Makanan (1996).

Kod amali dan garis panduan-garis panduan ini diedarkan ke setiap Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan pihak-pihak berkuasa tempatan termasuk Majlis Bandaraya, bagi tujuan rujukan pihak penguatkuasa. Buku Panduan Penubuhan dan Pengiktirafan Institusi Latihan Pengendali Makanan (1996) diedarkan ke setiap pihak yang berminat.

Sehingga April 1997 seramai 3,337 pengendali makanan dilatih dan telah menerima sijil kehadiran dari Institusi Latihan Pengendali makanan.

Latihan oleh Institusi ini boleh dijalankan di tempat pengendali bekerja atau mana-mana tempat yang ada kemudahan latihan dalam negara ini.

(b) Mengenai keracunan makanan pula, terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan keracunan makanan. Faktor-faktor utama yang didapati menyebabkan keracunan makanan di sekolah-sekolah ialah kurang pengetahuan pengendali makanan dalam beberapa aspek. Pertamanya aspek kebersihan pengendali makanan itu sendiri di mana pengendali itu boleh menjadi punca pencemaran.

Keduanya kurang penjagaan suhu makanan semasa makanan disimpan. Makanan yang disimpan pada suhu bilik (room temperature) boleh menjadi media yang sesuai untuk pembiakan bakteria.

Bagi mengatasi masalah ini, aktiviti-aktiviti seperti latihan pengendali makanan dan penutupan serta-merta dapur-dapur asrama dan kantin-kantin sekolah di bawah seksyen 11, Akta Makanan 1983 sedang dipertingkatkan. Kelemahan yang dikenalpasti sebagai punca keracunan makanan adalah di antara kurikulum yang diliputi dalam latihan pengendali makanan.

Bagi tahun 1997, sehingga Mac, sebanyak 15 dapur asrama dan kantin sekolah telah ditutup berbanding dengan 33 dapur asrama dan kantin sekolah bagi tahun 1996.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan sama ada sedar atau tidak bahawa antara satu daripada sebab keracunan makanan di sekolah-sekolah luar bandar ialah makanan dalam tin yang rosak. Sehubungan dengan ini, saya juga ingin bertanya sama ada Kementerian Kesihatan hendak bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memeriksa stor-stor dan tempat-tempat kantin di sekolah luar

bandar untuk memeriksa sama ada, ada makanan dalam tin yang rosak dan menentukan bahawa makanan itu tidak diedar ataupun diberi untuk makanan kepada murid-murid.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bukan makanan dalam tin sahaja yang menjadi masalah, tetapi banyak barang-barang yang disimpan dalam kantin sekolah pun ada masalah. Sebab itu di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menyekat kejadian keracunan makanan dari berulang adalah kementerian mengambil tindakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dalam menghasilkan garis panduan kantin sekolah. Garis panduan ini dapat membantu pihak pentadbir sekolah serta penguasa kantin sekolah melicin dan mempertingkatkan aspek-aspek pengurusan dan pengawasan bagi memastikan makanan yang dijual di sekolah sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ibu-ibu sering dimaklumkan mengenai makanan segera ataupun junk food yang tidak membawa mudarat ataupun tidak mempunyai zat untuk anak-anak. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, apakah jenis makanan yang ada di dalam pasaran pada hari ini yang diklasifikasikan sebagai junk food? Dan apakah kesan-kesan daripada makanan ini kepada anak-anak?

Saya juga ingin mendapat makluman daripada kementerian, adakah pihak kementerian berhubung dengan syarikat-syarikat pengeluar makanan ini untuk memberi attention kepada syarikat-syarikat ini mengenai sumber-sumber ataupun resipi makanan mereka supaya dipertingkatkan ataupun mereka diarahkan untuk menutup ataupun menghentikan pengeluaran makanan ini supaya ia tidak dijual di dalam pasaran dan tidak digunakan oleh masyarakat kita?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ada berapa soalan di dalam soalan tambahan Yang Berhormat itu? Saya kira ada lima atau enam soalan, *[Ketawa]* saya pun tidak mengikuti apa yang telah diberitahu itu. Walau bagaimanapun, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minat dengan timbalan Setiausaha Parlimen kementerian ini, sebab itu saya hendak bertanya soalan tambahan. Soalan tambahan saya, sejauh manakah pihak Kementerian Kesihatan khususnya bercadang mengadakan kempen makanan yang seimbang dan sihat dari segi hendak meningkatkan kesihatan rakyat? Sebab saya rasa itu yang paling baik sekali, buat billboard besar-besar, nasihatkan rakyat jangan makan makanan macam itu. Kempen ini penting untuk mendidik rakyat.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, jawatan saya ialah Setiausaha Parlimen bukan timbalan Setiausaha Parlimen! *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kempen secara ... saya pun sudah lupa apakah soalnya. Sila ulangkan sekali lagi Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta laluan. Tadi saya ingat timbalan menteri, bukanlah maksudnya timbalan Setiausaha Parlimen. Minta maaf, kalau tersilap.

Dato' M. Mahalingam: Sila ulangkan soalnya Yang Berhormat, saya pun sudah lupa! *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Ulang soalan!

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Sebab soalan saya tadi penting, macam mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh lupa? *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Bukan saya lupa, saya tidak dapat menangkap apa yang diperkatakan tadi! Oleh itu, saya minta Ahli Yang Berhormat ulangkan sekali lagi soalan itu. Minta maaf.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah berkenaan dengan kempen yang akan dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mendidik rakyat untuk mengamalkan makanan yang sihat dan seimbang.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, tahun ini adalah tahun kita memulakan kempen makanan sihat. Kempen itu adalah baik dan kita buat melalui billboard, dengan radio, televisyen dan ada kempen-kempen menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, setiausaha parlimen dan ketua-ketua jabatan ada jalankan kempen ini bukan sahaja dalam pekan malahan di kampung-kampung dan di tempat-tempat lain. Oleh itu, saya fikir kempen ini akan boleh jadi yang baik, kita tidak tahu apa yang kita dapat hasil dari kempen ini tetapi pada akhir tahun ini kita akan perolehi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan kesihatan ini, saya sangat berminat khususnya Setiausaha Parlimen sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya terbaca dalam surat khabar dan tertengok itik salai, dia tergantung di atas longkang, airnya lalu di bawah dan itik itu bersalai di atas air longkang itu. Jadi, saya terperanjat sebenarnya perkara seperti ini boleh berlaku. Jadi, sebab saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena mengena dengan Kementerian Kesihatan?
[Ketawa]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyelarasan, pemeriksaan, ia ada kena mengena dengan Setiausaha Parlimen ini, sebab ini kebersihan dan saya dapati keseluruhan makanan yang dijual di warung ini sangat terdedah dan tidak bertutup dan dari segi kesihatan khususnya kita yang macam saya ini selalu pergi ke warung-warung makan, amatlah merbahaya dan terbuka kepada pencemaran ini.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan, timbalan setiausaha, minta maaf [*Ketawa*] Setiausaha Parlimen, saya tak tahu mengapa timbalan itu selalu muncul daripada mulut Ahli-ahli Yang Berhormat, kemungkinan dia hendak naik pangkat timbalan menteri nanti. Ya, saya doakan dia akan dapat timbalan menteri. [*Ketawa*]

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kebersihan makanan adalah di bawah tanggungjawab dua kementerian iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di dalam pekan-pekan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan di tempat-tempat lain oleh Kementerian Kesihatan. Ini adalah menjadi satu masalah, oleh itu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memutuskan supaya perkhidmatan kesihatan di pihak berkuasa tempatan diambil alih oleh Kementerian Kesihatan dengan satu agensi kerajaan yang bertanggungjawab penuh terhadap perkhidmatan, kualiti dan mutu perkhidmatan yang diberi akan dapat dipertingkatkan lagi.

Seperti yang telah diterangkan dan diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, itik ini memang 'swimming on the ..' [*Ketawa*] dengan izin, perkara-perkara ini kita akan mengambil tindakan. Tetapi, saya ingin menasihatkan kepada para pengguna, janganlah mengunjungi tempat-tempat yang tidak patut dan kotor. Kalau kita beramai-ramai pergi ke tempat makanan yang didapati kotor, kita memang menggalakkan

mereka menjual makanan-makanan itu, tetapi kalau kita pergi ke tempat-tempat itu, memang kedai itu akan diperbaiki dan kebersihan akan diutamakan. Jika ada kes seperti ini, sila beritahu kepada saya, kita akan mengambil tindakan dan kita boleh menutup kedai mereka. Pegawai-pegawai kementerian ada melawat ke beberapa kedai makanan yang didapati kotor dan mereka diberi dengan markah, kalau diberi markah dengan 50 atau 60 dan diberi notis dalam masa seminggu untuk memperbaiki keadaan itu, jika tidak diperbaiki juga kedai itu diarahkan ditutup. Kalau kurang markah mereka misalnya 40 ke bawah, memang kita akan tutup semua tempat makanan itu. Tujuan kementerian ialah sebelum tahun 1998, 'before the Commonwealth Game' memang kita mahu tempat makanan yang lebih bersih di negara kita ini.

INFLASI ASET - LANGKAH MEMBENDUNG

9. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa ada sesetengah ahli perniagaan meramalkan pada tahun 2000 apabila kesemua projek pembangunan yang dikehendaki oleh pihak kerajaan telah selesai kemungkinan besar negara akan dilanda inflasi. Adakah ianya benar dan apakah langkah kerajaan dalam menangani masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin

Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengawal tekanan inflasi merupakan agenda penting dalam pengurusan ekonomi kerajaan. Fokus utama dasar ialah membendung lebihan permintaan agregat dan pada masa yang sama, meningkatkan bekalan, terutamanya makanan. Langkah-langkah ini telah dapat membendung inflasi pada kadar yang rendah. Kadar inflasi pada tahun 1996 ialah 3.5% dan pada tempoh empat bulan pertama tahun ini sebanyak 3.0%.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, seiring dengan perkembangan pesat ekonomi, sektor pembinaan telah meningkat dengan ketara. Ini termasuk pembinaan beberapa projek mega serta juga sektor hartanah terutama pembinaan ruang-ruang

pejabat, pusat-pusat perniagaan dan perumahan. Berikutan ini, arah aliran pinjaman institusi kewangan juga telah menunjukkan bahawa sebahagian besar peningkatan pinjaman telah disalurkan kepada sektor kurang produktif terutamanya sektor hartanah dan pembelian saham. Pengalaman negara Jepun dan Thailand baru-baru ini menunjukkan bahawa perkembangan sektor hartanah yang pesat telah menimbulkan tekanan ke atas inflasi aset dan keadaan ini telah menggugat kestabilan sistem kewangan negara-negara tersebut. Memandangkan ini, sebagai langkah awal, dengan izin, preemptive measure, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengelakkan berlakunya inflasi aset dan memastikan sistem kewangan negara kita terus stabil.

Sebagai tambahan, Bank Negara Malaysia pada 1hb. April 1997 telah mengambil langkah segera untuk mengehadkan pinjaman bank yang bertujuan membiayai pembelian aset dan saham kepada tahap yang lebih berhemat iaitu sebanyak 20% bagi pembelian aset dan 15% bagi pembelian saham.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jawapan yang spesifik di atas soalan ini. Kita telah baca di merata-rata tempat sama ada dalam negeri atau di luar negeri yang mengatakan setelah semua pembangunan yang diadakan di Malaysia sekarang, bila sampai tempohnya, Sukan Komanwel selepas itu akan berlaku inflasi. Soalan ini yang berbunyi, 'kemungkinan besar negara akan dilanda inflasi' - saya minta kerajaan memaklumkan adakah andaian ini benar ataupun tidak?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, andaian ini bergantung kepada beberapa faktor. Kalau kita tengok senarai projek-projek mega misalnya, Airport KLIA, Johor Second Port dan Klang West Port dan kalau kita tengokkan bangunan misalnya, Sentul Raya, Linear City Phase I, KL Sentral, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kompleks Sukan Bukit Jalil dan kalau kita tengokkan daripada segi

kuasa ataupun power TNB, YTL Power Corporation dan sebagainya dan kalau kita lihat transportation ataupun pengangkutan termasuk jalan, jambatan dan rel. Kita ada railing KL-KLIA, Sistem Penyebaran Trafik Kuala Lumpur Barat, Jalan Kuching-Kepong dan sebagainya.

Jadi, di sini apa yang kita harapkan bahawa semua pembangunan ini akan difasakan ataupun, dengan izin, staggered. Jadi, dengan keadaan itu, dapat kita mengurangkan inflasi.

Sebagaimana yang diperkatakan semalam, Yang Berhormat, bahawa masalah yang pertama ialah masalah makanan. Jadi, kalau kita melihat masalah makanan, inflasi kita import ikan sahaja pada tahun 1993 - RM690.8 juta. Tahun 1994 naik lagi RM808.1 juta dan tahun 1995 naik lagi RM828.4 juta. Begitu juga dengan import daging dan akhir sekali 1995 naik daripada RM189.1 juta pada tahun 1991 kepada RM230.9 juta pada tahun 1995. Begitu juga dengan sayur-sayuran, jadi 1991 - RM346.3 juta tetapi pada tahun 1995 harga makanan dan sayur-sayuran kita import berjumlah RM560.4 juta.

Jadi, inflasi yang banyak sekarang ini ialah ke arah inflasi makanan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, disebutkan tadi bahawa pada tahun 2000 kemungkinan projek-projek besar yang dikehendaki oleh kerajaan telah selesai. Saya ingin menjurus kepada kemampuan dan kebolehan ahli perniagaan kita di dalam kerja-kerja pembinaan ataupun hartanah.

Dengan pembangunan ekonomi yang ada hari ini akan memberikan pengalaman yang besar kepada kontraktor-kontraktor pembangunan pada tahun 2000 nanti. Apakah usaha kerajaan supaya pengalaman yang ada dalam negara ini dapat diperluaskan dan mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka di peringkat nasional dan juga

peringkat international kepada negara-negara luar. Apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak ada kena-mengena dengan inflasi ya!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, bahawa kita membuat banyak usaha di dalam sektor pembinaan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, satu seminar telah pun diadakan oleh kontraktor bumiputera dan di sini kita dapati bahawa banyak permasalahan yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor bumiputera.

Yang keduanya, masalah yang kita lihat ialah masalah pekerja-pekerja mahir. Oleh kerana banyak pinjaman perumahan dan bangunan-bangunan didirikan, kita kekurangan tenaga mahir dari segi buruh dan sebagainya. Oleh sebab itu kita import dan hasil daripada import itu banyak masalah gejala sosial yang dikatakan tadi. Daripada situ juga wang keluar (remittance) daripada pendatang asing ini adalah sebanyak RM3 bilion. Jadi, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat masanya lebih jauh lagi, lebih panjang kerana kita mahu kalau boleh kita hendakkan reverse investment, di mana jika kontraktor Melayu (bumiputera) ini telah mahir di tempat sendiri, boleh pergi ke South Afrika sepertimana Yang Berhormat katakan kelmarin dan di situ membuat perniagaan, manakala keuntungan itu dibawa balik ke tanah air.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 10.

PEMAJU PERUMAHAN DI SELURUH NEGARA - JUMLAH

10. Tuan Hanipah bin Ahmad [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pemaju-pemaju perumahan di negara ini;
- (b) berapakah jumlah yang melanggar kehendak-kehendak Akta Pemaju Perumahan 1966.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin

Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Pemaju perumahan yang berdaftar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga 3hb. Mei, 1997 ialah sebanyak 7,133.
- (b) Dari tahun 1985 sehingga 31hb. Disember, 1996 kementerian telah mendakwa sejumlah 762 syarikat pemaju bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan tahun 1966 serta Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan tahun 1966 dan tahun 1989.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Strata Title Act, pemaju-pemaju dalam negara kita ini harus memohon mengemukakan permohonan mereka untuk mendapatkan strata title dan Dewan yang mulia ini pada tahun yang lalu pun telah meminta Strata Title Act supaya pihak pemaju mengemukakan permohonan strata title kepada pihak berkuasa dalam tempoh 6 bulan dalam CF dikeluarkan, akan tetapi selama ini didapati banyak pihak pemaju yang mendirikan plaza, kondominium dan flat-flat. Setakat ini sungguhpun bangunan itu telah lama disiapkan dan telah lama mendapat CF, tetapi bertahun-tahun lamanya tidak memohon strata title mengikut Strata Title Act yang dikuatkuasakan. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian apakah tindakan kementerian terhadap pihak pemaju yang gagal berbuat demikian mengikut undang-undang negara kita ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, untuk makluman, Strata Title Act itu adalah dikendalikan oleh pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan

tidak di bawah kementerian saya. Kita juga tahu masalah yang berkaitan dengan strata title ini dan pihak kementerian sedang mengadakan mesyuarat dan tindakan susulan untuk melicinkan perkara ini. Soalan sama ada apa sebabnya ada kelewatan itu, saya rasa eloklah perkara ini dijawab oleh kementerian yang berkenaan, bukan kementerian saya.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa salah satu daripada peruntukan yang penting dalam Akta Pemaju Perumahan 1996 yang menjaga kepentingan pengguna ialah kelewatan pemaju menyiapkan rumah-rumah yang telah dijanjikan. Berapakah jumlah pemaju-pemaju perumahan yang telah gagal setakat ini untuk menepati peruntukan tersebut? Juga saya ingin tahu sama ada kerajaan juga sedar bahawa pengecualian diberi kepada pemaju perumahan, agensi-agensi kerajaan tentang tempoh masa untuk menyudahkan rumah-rumah. Peruntukan pengecualian ini adalah banyak menyusahkan pembeli-pembeli kerana ramai pemaju dan agensi-agensi kerajaan yang gagal menyiapkan rumah dalam tempoh masa yang ditetapkan. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk membuat pindaan kepada peruntukan khusus kepada agensi-agensi kerajaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian tidak memberi kecualian atau kelonggaran masa untuk menyiapkan projek-projek yang dikendalikan oleh pihak pemaju, kerana Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada kuasa dalam akta ini untuk melonggarkan masa untuk menyiapkan sesuatu projek. Kalau ada perlanjutan masa untuk menyiapkan sesuatu projek, ini adalah perundingan antara pembeli dengan pemaju dan pihak kementerian hanya menguasai syarat-syarat atau peraturan-peraturan di bawah Akta Pemaju Perumahan. Kalau pihak pemaju tidak melanggar apa-apa syarat dalam lesennya

atau peraturan-peraturan di bawah akta tersebut, maka kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan atas kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.11 hingga 29 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996 DAN 1997) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[27hb. Mei, 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah pun bercakap panjang semalam, barangkali hari ini cuma 5 minit lagi ya!

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh 5 minit?

Tuan Haji Sairin bin Karno: 10 minit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: *[Mengangguk kepala]*

Tuan Haji Sairin bin Karno: Saya cuba sependek-pendek yang boleh.

3.40 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Dewan Negara ini kita juga turut merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, sebagaimana Yang Berhormat umumkan tadi, mudah-mudahan dengan pengisian jawatan itu akan melicinkan lagi Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung mengenai dengan perbincangan kelmarin. Saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di mana saya difahamkan baru-baru ini bahawa Kementerian ini telah memperuntukkan beberapa pegawai-pegawai khas atau barangkali dipanggil ‘pegawai seranta’ untuk setiap satu kawasan Parlimen dan disetiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Saya tidak tahu sama ada pelaksanaan ini telah dilaksanakan dan kalau ini sudah dilaksanakan, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana saya rasa ini memang bertepatan pada waktu dan masanya. Di samping itu saya juga ingin berkongsi pengalaman dan pendapat.

Saya tidak tahu di beberapa tempat, tetapi kalau kita melihat keadaan bangunan-bangunan KEMAS atau guru-guru KEMAS yang bertugas di seluruh negara, terutama di negeri Sabah, nampaknya bangunan-bangunan yang digunakan oleh KEMAS untuk mendidik anak-anak yang masih kecil ini atau pun di peringkat tadika ini begitu menyedihkan sekali. Satu contoh di daerah kecil Tambunan, di daerah Tambunan satu sekolah yang mana tempat itu sudah terlalu usang dan tidak sepatutnya lagi diduduki oleh anak-anak sekolah pra tadika di situ. Jadi, saya memohon kepada Kementerian itu supaya penyelia-penyelia atau pegawai-pegawai yang telah diamanahkan untuk menjalankan tugas melihat, membuat laporan dan meminta agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini memperuntukkan peruntukan yang berpatutan atau secukupnya, untuk memperkemas bangunan-bangunan KEMAS.

Saya tahu banyak lagi bangunan yang memang dipinjamkan kepada KEMAS. Saya mohon juga kerana sudah sampai waktunya agar kementerian ini juga mewujudkan kelas-kelas atau bangunan-bangunan khusus untuk tujuan ini.

Untuk makluman, di negeri Sabah yang saya tahu ada 3 atau 4 pusat latihan KEMAS yang saya rasa cukup bagus dan cukup indah. Jadi alangkah baiknya, seandainya pusat latihan yang didirikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini akan dibina di dua puluh bahagian Parlimen di negeri Sabah dan kalau boleh di seluruh negara. Di samping itu ada beberapa penyelia-penyelia KEMAS atau kakitangan KEMAS yang saya lihat perlu diberi motivasi, terus terang saya katakan, saya tidak tahu di tempat lain, tetapi di Sabah ada tempat-tempat yang kakitangan KEMAS ini hanya orang kata, saya minta maaf, tetapi barangkali terpaksa saya gunakan 'makan gaji buta', laporan hujung bulan tidak tahu apa yang dilapor, tetapi setiap hujung bulan kita nampak mereka terima gaji. Yang menyedihkan saya difahamkan, di seluruh negara ada juga kakitangan KEMAS ini kerjanya bukan membantu pihak Kerajaan Barisan Nasional, tetapi kerja mereka semata-mata untuk publisiti diri dan kadang-kadang melawan 'tauke'. Jadi, kita minta supaya mana-mana kakitangan KEMAS yang anti, yang tidak menyokong kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah, diambil tindakan dan kita hentikan. Untuk apa kita mengambil kakitangan-kakitangan yang seumpama ini dan saya percaya ramai lagi orang atau kakitangan yang berkelayakan untuk memegang jawatan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan keselamatan dalam negeri, yang mana perkara ini menjadi cukup hangat di Sabah, apa lagi bila kita lihat bahawa jumlah pelajar-pelajar, anak-anak pelarian di negeri Sabah begitu ramai - memang ini tidak dapat dinafikan. Saya tidak tahu bagaimana pelarian-pelarian atau

pendatang-pendatang haram ini boleh datang ke satu daerah iaitu di Keningau. Daripada Tawau ke Keningau tidak ada sekatan langsung, bila mereka melalui tempat ini tidak ada pun satu sekatan sama ada dari imigresen ataupun pihak berkuasa tempatan mahupun pihak polis. Pada satu ketika dahulu ada dan waktu itu kebanjiran pendatang-pendatang haram ke Keningau tidak begitu banyak, tetapi pada hari ini orang-orang atau pendatang-pendatang haram ini melebihi daripada penduduk tempatan.

Saya mohon kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil serius perkara ini walaupun di dalam kejadian bencana Greg baru-baru ini berlaku di Keningau, majoriti orang yang telah mendapat musibah ini adalah orang-orang luar, bukan orang-orang dari Malaysia tetapi saya lihat bahawa kedatangan mereka semakin hari semakin bertambah sehinggakan beberapa tempat di kampung dan di ladang getah, mereka bertebaran tidak tentu arah dan tinggal di tempat itu sesuka hati. Jadi, saya harap regularisasi atau pemutihan yang dibuat berakhir pada bulan Ogos tahun ini, perkara-perkara seumpama ini dapat diambil tindakan terutama di bahagian pedalaman sebab mereka sekarang bukan lagi berada di pesisiran pantai tetapi mereka telah menjelajah ke seluruh negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya juga ingin mengambil kesempatan di sini supaya Kementerian Dalam Negeri memeriksa sebaik-baiknya atau dengan apa cara sebab sepandai-pandai kerajaan kadang-kadang penipu ini lagi pandai. Sebagai contoh, kad pengenalan - ada orang yang mendapat kad pengenalan yang bermutu tinggi yang telah disebut beberapa kali di dalam soal jawab ini di mana kad pengenalan mereka sebenarnya memang tidak sah, tidak sah tetapi saya hairan bagaimana orang ini boleh mendapat, boleh menukar kad pengenalan mereka. Jadi, saya juga berharap agar Kementerian Dalam Negeri menyiasat perkara ini, jangan sampai perkara ini berlaku dan berulang pula.

Saya berani mengatakan ini sebab ada satu tempat orang itu lahir di kampung saya, walhal saya tidak kenal langsung orang itu dan kad pengenalnya menunjukkan dia lahir di tempat itu dan menggunakan kad pengenalan yang dianggap bermutu tinggi. Jadi, saya harap semakan untuk itu juga perlu dibuat. Kalaulah orang ini memang benar-benar, itu lain cerita tetapi saya kenal orang itu dan sepatutnya hak rakyat Malaysia itu tidak diagihkan begitu sahaja kepada orang yang tidak berhak.

Di samping itu, saya juga ingin merayu kepada pihak Badan Pencegah Rasuah. Sebenarnya rasuah ini bukan susah sangat mahu dicegah dan saya mengalu-alukan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob di mana beliau ada mencadangkan meletakkan 'spy' di jabatan-jabatan kerajaan yang menjadi lubuk rasuah dan jika ini dapat dibuat, mudah-mudahan di negeri Sabah akan berkuranganlah gejala rasuah ini terutama kebanjiran pendatang-pendatang haram. Saya tahu bahawa pendatang-pendatang haram ini juga dapat masuk kerana ada dalang-dalang yang sengaja mengambil kesempatan memasukkan mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan penggunaan kenderaan 18-wheelers, dengan izin, lori-lori balak atau lori-lori mengangkat papan yang tayarnya sampai lapan belas, ada yang dua puluh dua. Jadi, kalau lori-lori ini dibenarkan menggunakan jalan, sebagai contoh kalau di Semenanjung ini tempat bengkok-bengkok yang saya pernah datang iaitu di Jelebu atau jalan ke Kuala Selangor. Bayangkan, kalau dua puluh dua tayar lori menggunakan jalan yang bengkok-bengkok, orang lain dia tidak peduli. Jadi, ini yang berlaku di Sabah terutama di Keningau dan di Kota Belud. Jadi, kita minta kalau boleh 18-wheelers ini diharamkan. Jangan lagi digunakan di tempat-tempat yang jalannya bengkok-bengkok sebab ini telah mengorbankan beberapa nyawa terutama di bahagian pedalaman iaitu Jalan Tambunan-

Kota Kinabalu. Saya mohon agar kementerian berkenaan mengambil tindakan sewajarnya, jangan sampai 'nasi sudah menjadi bubur' baru kita bertindak.

Beberapa perkara lagi yang juga ingin saya sentuh mengenai dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Saya telah didatangi oleh beberapa rakan daripada kakitangan kerajaan di negeri Sabah di mana di Sabah ini oleh kerana untuk memohon jawatan tetap dan berpencen agak lama, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terpaksa memohon untuk kerja kontrak atau kerja sementara. Sementara punya sementara ada yang memakan waktu sehingga pencen. Malangnya bila pencen terutama di Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, bila orang ini pencen beliau tidak akan dapat pencen sebab status sementara atau kontrak. Jadi di Semenanjung, saya difahamkan bahawa paling-paling kalau pun kontrak atau sementara paling lama dua tahun.

Jadi kalau pun memang jawatan tersebut tidak perlu diambil sebagai sementara, sebagai contoh N2 umpamanya, N2 dipangku atas nama sementara yang memangkunya pun sementara dan jawatan beliau tidak boleh disahkan, saya mohon supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyiasat dan mencari jalan terbaik bagaimana supaya jawatan-jawatan sementara khususnya di negeri Sabah atau juga barangkali yang berlaku di Sarawak supaya ini diambil kira secepat mungkin. Janganlah ada sementara-sementara ini. Kalau tidak perlu, tidak perlu diadakan, tidak perlu diwujudkan, jadi supaya perkara ini dapat diatasi dan tidaklah membebankan kepada pekerja-pekerja yang bertungkus lumus dan akhirnya di hujung karier beliau bekerja sebagai kakitangan kerajaan tidak ada apa-apa imbuhan yang beliau terima.

Tuan Yang di-Pertua: Eloklah setakat itu dahulu ya. Beri peluang kepada saudara-saudara kita yang lain.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Okay, jadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas peluang yang begitu panjang, saya rasa. Mudah-mudahan dengan penyertaan saya ini akan dapat memberikan sedikit pandangan atau panduan kepada rakan-rakan. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh minit ya.

3.50 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan rang undang-undang yang bernama Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997. Akta ini ialah bagi tujuan menggunakan suatu jumlah wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 yang mana perbekalan tambahan untuk tahun 1996 ialah berjumlah RM15,377,923,192 dan perbekalan tambahan bagi tahun 1997 pula berjumlah RM362,745,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan tambahan pada umumnya dan sebelum itu seperti yang saya sebut tadi, elok saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada menteri, timbalan menteri dan juga setiausaha parlimen yang telah naik pangkat iaitu Dato'Seri Megat Junid bin Megat Ayob daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali daripada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya kira naik pangkat juga itu dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tempat Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali. Tahniah sekali lagi. [*Dato' Azmi bin*

Khalid bangun dan menundukkan kepala][Tepuk] dan mudah-mudahan mereka ini akan memberi perkhidmatan yang cekap dan lebih cekap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya lebih daripada 80% peruntukan tambahan yang dibentangkan di bawah akta ini adalah untuk pelarasan gaji dan elaun-elaun dan juga insentif kepada pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengalu-alukan langkah kerajaan bagi mengkaji dari masa ke semasa tentang kebajikan pegawai-pegawai kerajaan ini tetapi seperti yang disebut berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu sebarang kenaikan gaji hendaklah diambil kira kualiti dan perkhidmatan serta produktiviti yang boleh diberikan oleh pihak yang menerima imbuhan dan kenaikan ini. Sekarang ini kita tahu jabatan-jabatan kerajaan termasuklah agensi-agensi dan juga syarikat-syarikat konsesi yang diberi melaksanakan penswastaaan ini menggunakan wang yang agak banyak dan kadang-kadang perbelanjaan ini kalau difikirkan dengan secara teliti, agaknya secara yang agak membazir.

Misalannya, ada kementerian, ada agensi kerajaan yang mengadakan program-program yang lebih berupa rethoric, program-program *ad hoc*, sekali gus membelanjakan wang yang begitu banyak dan akhirnya wang habis, program itu tamat tetapi kesannya tidak begitu banyak. Ini salah satu contoh yang kita boleh dapati sekarang ini, lebih-lebih lagi apabila program-program ini hanya hendak meng'highlight'kan, dengan izin, ataupun sempena dengan lawatan pemimpin-pemimpin tertentu ke satu-satu tempat yang tertentu. Kerajaan hendaklah berhati-hati dalam meluluskan peruntukan bagi menguruskan program-program seperti ini.

Begitu juga kita dapati pihak-pihak swasta seperti Tenaga Nasional, Telekom dan seperti badan-badan lain, apabila sahaja diberi kepada sesuatu syarikat konsesi, maka

kerajaan memilih orang-orang tertentu dan melantik mereka ini menjadi pegawai eksekutif untuk menguruskan syarikat-syarikat ini dan sekali gus kita lihat perkembangan pembangunan begitu banyak sekali. Misalannya, Tenaga Nasional sekarang ini pejabat-pejabat Tenaga Nasional di negeri-negeri dan daerah-daerah yang pada suatu masa dahulu kecil sudah menjadi bertingkat-tingkat, begitu besar dan dihias pula dengan lampu yang begitu bergemerlapan. Dan kita tengok kenderaan-kenderaan pula dibeli kenderaan-kenderaan yang mahal, yang baru-baru dan sudah tentu gaji-gaji pegawainya pun semakin meningkat. Yang dulunya pegawai-pegawai bawahan tidak ada telefon bimbit tetapi sekarang semua dibekal dengan kemudahan ini. Tiang-tiang elektrik, kabel-kabel yang kadang-kadang kita tengok di longgok di pejabat-pejabat daerah sahaja begitu banyak. Ini semua saya sebut sebab ia melibatkan kos operasi dan bila melibatkan kos operasi akhirnya mereka terpaksa buat satu cadangan kepada kerajaan untuk menaikkan tarif yang mana akan membebankan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya cara perbelanjaan yang begini adalah perbelanjaan yang akan membebankan kewangan negara dan akhirnya rakyat biasa yang menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan Perkhidmatan Awam sekarang ini. Kita dapati, seperti yang saya sebut sebentar tadi, perkhidmatan awam sekarang ini mempunyai pelbagai kemudahan. Kalau dulu kemudahan pengangkutannya susah, pejabat-pejabatnya kurang selesa dan kemudahan-kemudahan dari segi kebajikan, tempat riadah, tempat beribadat pun tidak ada tetapi sekarang semua pejabat disediakan tempat-tempat yang cukup sesuai, cukup selesa dengan air-cond, dengan kemudahan komputer, alat-alat komunikasi perhubungan dan kadang-kadang diberi pula kemudahan pengangkutan. Kalau ini sudah ada dan kalau gaji dan elaunnya pun sudah ditambah dan diberi, maka perkhidmatannya sudah pasti lebih meningkat dan

lebih berkualiti tetapi malangnya masih ada pegawai-pegawai yang tidak prihatin. Mereka ini tidak mengambil berat untuk memberi perkhidmatan dengan penuh dedikasi. Mereka datang, kadang-kadang punch card pun bukan mereka yang punch sendiri - minta tolong orang, lepas itu keluar pergi minum. Bila orang datang ataupun berhubung, sipegawai yang ada jawabnya pegawai ini tidak ada, tidak boleh hendak uruskan failnya ada dalam tangan dia dan ini sudah tentu menimbulkan banyak masalah.

Kadang-kadang sesuatu kerja yang boleh diselesaikan dalam masa sebulan ataupun dua minggu terpaksa mengambil masa sehingga enam ataupun tujuh bulan baru selesai. Jadi, kalau hal yang semacam ini masih boleh berlaku ketua-ketua jabatan yang diberi tanggungjawab di dalam satu-satu agensi atau jabatan itu hendaklah memberi perhatian berat, hendaklah menjalankan tugasnya, hendaklah mengambil tindakan disiplin, peraturan di dalam SSB semuanya lengkap tetapi malangnya penguatkuasaan bukan sahaja penguatkuasaan dari segi undang-undang hendak menyelesaikan masalah gejala sosial, bukan sahaja penguatkuasaan dari segi hendak menyelesaikan soal-soal jenayah tetapi penguatkuasaan untuk hendak memastikan kelicinan pentadbiran di jabatan dan agensi masih mempunyai banyak kelemahan, dengan izin, loop hole.

Oleh sebab yang demikian, kita perlu mengadakan satu reformasi, satu kesedaran untuk memberi tanggungjawab kepada semua pihak, kita tidak boleh lagi menuding jari, tidak payah lagi tunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebut perkara itu sampai ke tahap serius barulah ketua jabatan masing-masing kelam-kabut hendak adakan seminar, hendak buat mesyuarat itu, hendak buat kertas kerja ini, panggil orang. Jadi, nampaknya kadang-kadang kita tahu penyakit tetapi selagi penyakit itu tidak kena kepada diri sendiri, kita tidak ambil kisah untuk hendak memperbaiki keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri. Kita memang bersetuju peruntukan tambahan yang diberi kepada Jabatan Perdana Menteri tetapi apa yang ingin saya sebutkan di sini sepertimana yang disebutkan peruntukan ini adalah diberi untuk lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga lawatan ketua-ketua kerajaan yang datang daripada luar negara. Saya ingin juga menyebut di sini iaitu kita dapati kita membelanjakan wang yang banyak juga untuk menghantar balik pendatang-pendatang tanpa izin. Saya sendiri hairan kalau kerajaan mempunyai hubungan dengan negara-negara Bangladesh, Indonesia, India dan ada beberapa negeri lagi yang kita ada hubungan di antara negara-negara Asian tetapi apabila rakyat mereka datang ke negara kita, masuk tanpa ada passport atau dokumen yang sah, kemudian kita tangkap, kita terpaksa bubuh di satu tempat, kita terpaksa belanja duit buat tempat penginapan, beri makan, rawatan dan sebagainya, selepas itu apabila mereka ini hendak dihantar balik kita kena bayar duit tambang pula.

Saya sendiri hairan mengapa kita tidak berhubung dengan kerajaan-kerajaan ini supaya mereka itu sebagai kerajaan, sebagai rakyat mereka yang melanggar undang-undang kita, maka mereka juga patut memberi tanggungjawab mengeluarkan wang, membelanjakan wang bagaimana cara hendak hantar balik. Kalau tidak, apa yang harus kita buat, kita perlu mengambil tindakan mengikut undang-undang kita. Mereka ini patut didenda. Orang luar yang datang ke negeri kita tanpa satu-satu dokumen, kita denda. Mereka kena bayar denda kepada kerajaan, bukan kita beri duit kepada pesalah-pesalah ini. Ini satu perkara yang harus kerajaan lihat semula. Tidak ada guna kita ada undang-undang antarabangsa, tidak ada guna kita ada perhubungan dengan negara-negara ini apabila timbul masalah yang datang daripada negara itu, kita terpaksa tanggung sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya berharap supaya kerajaan memberi perhatian khusus berkenaan dengan kemasukan pendatang-pendatang haram ini yang kita perlu identify, dengan izin, rakyat yang terlibat ini. Kita nampak ada satu-satu kaum itu seolah-olah tidak ada pendatang tanpa izin, cuma kita dapat maklumat ada sedikit-sedikit sahaja, yang kita tahu banyak daripada Bangladesh, Indonesia dan Filipina. Saya tidak tahulah sama ada tidak ada pendatang tanpa izin daripada negeri China sebab kita tahu kadang-kadang ramai rakyat Malaysia ini tidak boleh bercakap fasih dalam bahasa Malaysia. Kalau kita tinjau, kita tanya pun, saya bukan timbulkan masalah perkauman tetapi perkara ini adalah perkara benar. Kalau datang daripada Indonesia, kita tahu mereka itu daripada Indonesia. Kalau datang daripada Myanmar, kita tahu. Kalau datang daripada Bangladesh, kita tahu. Tetapi kadang-kadang kalau datang daripada negeri China, kita susah sedikit hendak mengenal pasti. Kerajaan hendaklah juga berhati-hati dan mengambil tindakan siapa juga yang masuk secara tidak sah seharusnya didedahkan, diberitahu kepada umum. Kita tidak mahu ada pihak yang masuk senyap-senyap, tiba-tiba boleh tinggal secara sah atau tidak sah. Ada pihak yang masuk, kita tangkap, kita hantar balik. Ini perlu kita ingatkan kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukup masa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau boleh, sedikit lagi boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab beri peluang kepada orang lain juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kelmarin Tuan Yang di-Pertua beri sehingga setengah jam kepada Tuan Haji, takkan saya 10 minit. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: 5 minit lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut berkenaan dengan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu sebanyak RM10,500,000. Saya baca dalam satu artikel dalam *Dewan Masyarakat* yang baru sahaja keluar. Sekarang ini kita susah hendak identify identiti Malaysia. Saya selalu timbulkan perkara ini sebab soal identiti, soal semangat kebangsaan, soal perpaduan rakyat dan sebagainya adalah suatu perkara yang sangat penting. Tidak ada guna kita buat kenyataan yang retorik sedangkan apa yang berlaku jelas kelihatan tidak selari dengan maksud kita. Sekarang ini soal identiti rakyat Malaysia dari segi pakaian, okay, kita tidak boleh identify. Kadang-kadang bila ada perayaan sahaja kita nampaklah orang Melayu pakai suit dan sebagainya. Sekarang ini kalau di dalam bandar, di pekan, kita tidak nampak lagi perbezaan yang begitu ketara sangat, kecuali orang-orang kaum India yang masih lagi pakai sari dan sebagainya, kita biarkan. Tetapi dari segi kebudayaan, memang kita boleh nampak. Kadang-kadang bila ada hari-hari perayaan orang-orang Tamil, begitu juga orang-orang Tionghua, kita boleh nampak dan ini saya nampak kita sudah tetapkan yang menjadi teras kebudayaan kita ialah kebudayaan Melayu yang kita boleh serapkan kita jadikan kebudayaan Malaysia. Kita tidak menghalang kaum-kaum yang ada ini mengamalkan budaya masing-masing, tetapi apa yang saya nampak, yang penting kita hendak lihat ialah identiti kebudayaan negara kita.

Begitu juga tentang penggunaan bahasa. Saya berkali-kali bercakap di sini, saya sebut kita bukan menghalang penggunaan bahasa kaum-kaum ini tetapi berilah keutamaan kepada penggunaan bahasa Malaysia. Kalau ada wawancara di TV, kalau ada kita hendak jawab rasmi bagi pihak kerajaan pun kita bercakap bahasa Malaysia, kita boleh bercakap. Yang paling malang sekali pemimpin-pemimpin kita sendiri kadang-kadang bila ada wawancara di TV bercakap dalam bahasa Inggeris. Kadang-kadang mula

dalam bahasa Malaysia sedikit, selepas itu dia sambung dengan bahasa Inggeris. Ini adalah suatu gejala yang saya rasa kurang sihat. Ia boleh memberi kesan yang cukup tidak baik. Kita selalu tonjolkan kata bahasa Melayu ini boleh menjadi bahasa dunia, bahasa antarabangsa. Saya tidak nampak penggunaan bahasa Melayu ini boleh menghalang pembangunan dari segi aspek-aspek lain.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Berilah peluang kepada saudara kita yang lain lagi. Ramai lagi yang hendak bercakap, kerana kita pun singkat masa ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya ada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri, sedikit lagi bolehkah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Oh, banyaklah, tidak boleh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau begitu, saya terpaksa berhenti jugalah sebab Kementerian Pendidikan dan Kementerian Dalam Negeri.....

Tuan Yang di-Pertua: Banyak masa lain lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Banyak masa lain tidak sesuailah hendak bahas hal ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, ada peluang lagi, insya-Allah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin.

4.06 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi untuk saya turut berbahas di bawah Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 ini. Dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dalam hal

pendidikan, barangkali saya boleh sentuh sebab ada khusus mengenai pendidikan ataupun khusus mengenai guru.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih panas atau masih baru sangat di mana semalam bila saya balik ke kampung dikunjungi oleh beberapa guru yang merupakan mereka ini guru rakyat pada satu ketika, mungkin terlibat dengan Tuan Yang di-Pertua semasa Tuan Yang di-Pertua jadi Menteri Pendidikan di mana guru rakyat ini diserap dan diterima untuk kursus dan sebagainya. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun mungkin lebih mudah untuk memahami masalah yang dialami oleh guru rakyat.

Perkara ini masih baru, semalam, tetapi saya ada fotostat bersama saya ini untuk menghurai masalah yang mereka alami. Jumlah yang terlibat setakat ini belum pasti cuma mengikut beberapa guru yang menemui saya, tok guru dan bekas guru yang menemui saya itu katanya di Kelantan melebihi 100 orang, di seluruh Malaysia mungkin beribu-ribu lebih. Mereka adalah golongan guru rakyat satu ketika dan mengajar di sekolah-sekolah kampung atau sekolah-sekolah luar bandar yang memang kelulusan mereka pada masa itu hanya setakat Darjah 6 ataupun Darjah 7, kemudian diterima menjadi guru. Mereka ini menjadi guru-guru kepada kita dan saya masih ingat kepada saya sendiri di mana beberapa guru saya pada sekitar tahun 60-an adalah mereka yang berkelulusan sedemikian.

Melalui proses perkembangan pendidikan yang semakin maju dan semakin meningkat, maka mereka ini diminta untuk menghadiri kursus di maktab-maktab dan saya masih ingat, saya rasa masa itu semasa Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob selaku Menteri Pendidikan, untuk dipertingkatkan sama ada segi kemahiran, pengetahuan, teknik mengajar dan sebagainya, maka mereka ini terus berkhidmat

sehingga sekarang dan ada yang sudah pencen sejumlah daripada mereka dan telah menerima pencen sejumlah tertentu.

Apa yang saya ingin sampaikan ialah setelah mereka ini diterima mengikut perkhidmatan, sebagai contoh yang ada pada saya ialah Encik Cik Harun bin Cik Hat atau Cik Mat dari Kampung Alor Pasir, Tanah Merah, Kelantan yang telah diterima surat JPA daripada Encik Taib bin Yaakub, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengenai pencen beliau di mana dicop di sini bahawa “tempoh perkhidmatan tuan bermula daripada 1.7.1960 sehingga 30.12.1996. (Dia baru pencen cikgu Harun ini) Adalah diluluskan untuk dimasukkan bagi maksud perkiraan faedah persaraan dengan menolak segala cuti tanpa gaji, jika ada, dan tertakluk kepada tarikh mencarum kepada mana-mana kumpulan wang simpanan pada atau selepas 1hb. Julai, 1960 dengan dinaikkan. Sila sahkan tarikh mula mencarum bagi tempoh tersebut”. Selepas.....

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini dibawa ke kementerian tidak bolehkah?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Saya rasa kalau terus.....

Tuan Yang di-Pertua: Masalah seseorang ini susahlah.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Yalah, kelompok manusia ramai, jadi kita cuba register kalau boleh terus ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuannya hendak suruh ambil tindakan? Kalau boleh hantarkan surat itu kepada kementerian, bolehkah?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Memang saya berasa begitu, tetapi kesempatan kita bercakap, kita beritahu, terus ambil tindakan, beri pandangan, sebab ini berkait dengan dasar juga, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah perkara itu boleh diambil tindakan dan saya kata, kita akan teruskan, melibatkan JPA, pegawai-pegawai dan terus boleh

faham. Proses biasa akan dibuat, memang melalui persatuan. Kalau tidak, nanti rakyat kata tidak bercakap pula.

Tuan Yang di-Pertua, jadi masalahnya selepas daripada itu keluar pula satu surat yang sekaligus membatalkan surat pertama dan tempoh perkhidmatan itu dikira hanya pada 1.2.1976 hingga 30.12.1996. Implikasi pertama, yang sudah pencen, telah terima pencen terpaksa bayar balik pencen. Jumlahnya ada yang banyak, ada yang sedikit. Yang baru terima, sedikit. Yang sudah lama terima pencen, banyak, terpaksa bayar balik kepada kerajaan. Dan yang akan terima pencen juga rasa berkecil hati kerana mereka telah pun disahkan tarikh sekian-sekian, kemudian hendak dibatal balik.

Soalnya kepada saya selaku pemimpin masyarakat mewakili mereka yang berjasa kepada negara, kepada parti, kepada kekuatan kejayaan kesemua, ada yang jadi menteri kerana guru-guru ini, ada pangkat besar, kaya-raya dan sebagainya kerana bermula daripada guru-guru ini. Apakah caranya untuk perkara ini diselesaikan dengan baik. Cadangan saya kalau boleh, walaupun pelarasan dibuat kerana mereka telah diterima, apakah kerajaan boleh menimbang jasa-jasa mereka ini dengan menghapus kira kalau kena bayar balik ataupun yang belum terima tetapi telah pun dijanjikan untuk diberi pencen bermula daripada tahun 1960 itu diteruskan sebagai membalas jasa. Itu pandangan saya dan permohonan saya mewakili kumpulan guru-guru ini yang telah berjasa kepada bidang pendidikan dan juga berjasa kepada negara sama ada di sisi sosial, politik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham benarlah masalah yang dialami oleh Tuan Yang di-Pertua untuk mengejar masa. Saya pun tidak hendak ambil lebih daripada itu, khusus untuk ini kerana saya perlu memberitahu seberapa segera masalah yang dihadapi oleh guru-guru. Saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas peluang yang telah diberi kepada saya dan saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada sahabat-

sahabat, Yang Berhormat Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob Junid yang dinaikkan pangkat, Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali yang dinaikkan tempat lebih baik dan Yang Berhormat Dato' Azmi bin Khalid yang telah dinaikkan pangkat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Abdillah Abdul Rahim.

4.14 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997.

Sepertimana yang tertulis dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan kita dapati bahawa sebahagian besar daripada perbelanjaan itu melibatkan kerja-kerja membiayai pelarasan dan imbuhan kakitangan kerajaan. Saya percaya penambahan ini berlaku disebabkan oleh keperluan yang tertentu yang mana mungkin tidak didugakan semasa anggaran perbelanjaan itu dibuat dan saya percaya juga bahawa tambahan itu adalah penting untuk menggerak jentera kerajaan dan dengan itu maka saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peluang ini, saya ingin juga untuk memberi pandangan yang mana pada hemat saya adalah penting juga hanya sekadar untuk menambah ataupun menampung apa yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebelum ini. Beberapa perkara yang ingin saya sentuh di sini adalah seperti berikut.

Pertama sekali ialah perkara-perkara yang menyentuh B.16, iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sebelum ini kita telah mendengar banyak hujah mengenai pentingnya Jabatan Bomba, dan seperti apa yang kita maklum fungsi jabatan ini bukan sahaja untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda, tetapi pada masa sekarang fungsinya juga terlibat lebih daripada itu, di mana kalau dahulu ianya hanya terlibat dalam masalah kebakaran, tetapi pada masa ini kalau orang ada accident, dengan izin, yang terperangkap dalam kemalangan jalan raya, misalnya, pun juga memerlukan bantuan daripada Jabatan

Bomba. Tetapi apa yang saya ingin kemukakan di sini ialah perkara-perkara yang mungkin pada masa ini belum lagi kita dugakan, ataupun kemudahannya belum lagi ada untuk menangani sekiranya masalah ataupun accident, dengan izin, akan berlaku di masa hadapan, terutama sekali bersabit dengan kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh duduk sekejap.

Loceng dibunyikan.

[Ahli-ahli dikira: kurang daripada 7 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sudah cukup minum teh, saya ingat. Jemput Yang Berhormat, barangkali lima minit lagi. Yang Berhormat yang bercakap tadi, silakan, jemput sambung lima minit lagi, boleh?

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Lima minit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya maksudkan di sini ialah berhubung dengan kebakaran di bangunan yang tinggi. Misalnya, pada masa ini seperti apa yang kita lihat di negara kita banyak bangunan yang tinggi pencakar langit telah dibinakan dalam negara kita. Apa yang saya khuatiri adakah kita bersedia dengan kemudahan-kemudahan untuk menangani sekiranya kebakaran berlaku di dalam bangunan-bangunan yang tinggi seperti ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengemukakan sama ada kerajaan dapat menyediakan misalnya balai bomba dalam kawasan-kawasan perindustrian. Sepertimana yang kita maklum, dalam kawasan-kawasan perindustrian sekarang banyak kilang-kilang yang besar yang melibatkan berjuta-juta ringgit dibinakan, dan sekiranya kemudahan bomba tidak ada dalam kawasan perindustrian, maka besar kemungkinan banyak kerugian akan kita alami bukan sahaja dari segi nyawa, bahkan dari segi harta-benda. Ini juga akan melibatkan pekerjaan kakitangan ataupun pekerja-pekerja yang terlibat dalam kilang-kilang tersebut.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya ataupun menyarankan supaya kerajaan meninjau sama ada balai bomba mini boleh diadakan dalam tiap-tiap perkampungan ataupun kawasan perumahan di mana kawasan ini jauh dari balai Bomba. Kerana seperti apa yang kita maklum, banyak kerugian akan kita alami sekiranya sesuatu kebakaran berlaku. Kerajaan juga akan mengalami masalah misalnya untuk membiayai ataupun memberi bantuan kepada mereka yang terlibat dalam kebakaran.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pertanian, iaitu B.19. Sebahagian besar daripada peruntukan untuk tambahan ini adalah untuk subsidi padi, iaitu RM15 juta. Seperti yang pernah kita dengar dalam hujah-hujah sebelum ini, nampaknya negara kita mengimport banyak bahan makanan sehingga seperti apa yang kita lihat di sini dalam penanaman padi pun kita tidak dapat bersaing dengan negara-negara lain, sehingga kita terpaksa memberi subsidi kepada penanam padi. Baru tadi kita telah mendengar bahawa pada masa hadapan kemungkinan besar akan timbul, iaitu kita akan mengalami inflasi dari segi barang makanan. Maka dengan ini, saya rasa adalah wajar bagi kita memberi tumpuan kepada menambah ataupun mempertingkatkan lagi pengeluaran barang makanan. Kalau hari ini kita pergi ke supermarket, dengan izin, kita akan lihat banyak buah-buahan sebagai satu contoh yang kita import. Kita tidak dapat mengelak ataupun menghindar pihak supermarket, dengan izin, untuk menjual buah-buahan import, kerana itu bergantung kepada permintaan pelanggan, tetapi adalah baik sekiranya kerajaan juga berusaha mempertingkatkan lagi pengeluaran buah-buahan dalam negeri yang mana bukan sahaja dapat kita usahakan untuk dijual dalam negeri, bahkan juga untuk dieksport. Dalam perkara ini, saya percaya banyak lagi perkara-perkara yang harus dipertimbangkan seperti bungkus, mengawet ataupun membuat ketahanan buah-buahan itu perlu difikirkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita akan berusaha lebih untuk mempertingkatkan pengeluaran barang makanan, memandangkan apa yang telah kita dengarkan sebelum ini, iaitu sekiranya berlaku inflasi, inflasi itu akan lebih kepada pengeluaran barang makanan dalam negeri ini.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh perkara B.22 berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, di mana sebahagian besar ataupun hampir keseluruhan peruntukan itu telah digunakan untuk menaja peraduan lumba Formula 1. Usaha ini adalah dialu-alukan kerana ianya akan mengetengahkan negara kita Malaysia ke dunia antarabangsa dari segi kemudahan yang ada di sini untuk mengadakan perlumbaan seperti itu.

Saya juga ingin mengalu-alukan usaha baru-baru ini yang kita lihat di mana negara kita telah menjadi tuan rumah untuk mengadakan pertandingan seni silat. Walaupun seni silat Melayu ini bukan sahaja kepunyaan ataupun diwarisi oleh kita oleh Malaysia, kerana ianya juga diwarisi oleh Indonesia. Namun begitu, kita berasa bangga kerana dapat menjadi tuan rumah untuk mengadakan pertandingan ini di mana terdapat juga orang-orang Eropah ikut serta dalam pertandingan tersebut. Apa yang jelas ialah bahawa kesenian itu telah dapat dihayati ataupun diminati oleh orang-orang asing.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh B.37, Jabatan Imigresen. Sepertimana yang kita maklum pegawai-pegawai kita di Jabatan Imigresen didapati peramah, baik, maka dengan itu, pelancong-pelancong pun tertarik masuk ke sini kerana jarang sekali menempuhi masalah. Tetapi kebaikan kita ini selalunya ada orang yang mengambil kesempatan di atas kebaikan kita ini, kerana terdapat juga penjenayah-penjenayah dari luar negeri masuk ke negara ini dengan alasan sebagai penuntut ataupun sebagai peniaga. Maka dengan itu, kita telah membaca di dalam akhbar beberapa kejadian jenayah telah

berlaku dibuat oleh pelawat-pelawat seperti ini, di mana mereka telah merogol, menyamun, merompak dan membuat banyak penipuan dalam urusan perniagaan seperti apa yang telah kita baca dalam surat-surat khabar.

Maka apa yang saya ingin sarankan di sini ialah supaya jabatan berkenaan juga membaiki kemudahan yang ada pada masa ini di mana saya rasa paling penting ialah sistem maklumat jabatan berkenaan supaya mereka mudah dapat mengenal pasti ataupun mengambil tindakan yang tertentu ke atas pelawat-pelawat yang difikirkan tidak diingini untuk masuk ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana bercakap macam orang berlumba, kerana masa begitu singkat. Apa yang ingin saya terangkan di sini bagi akhir ucapan saya ialah satu perkara yang berlaku yang saya lihat dalam bangunan kita ini. Pada 23hb. lalu saya telah pergi ke tandas di bahagian Pentadbiran sana, saya dengar air keluar daripada tandas itu, dan hari kedua saya lihat masih ada lagi. Saya pun ada membuat teguran. Kemudian, hari ini masih ada lagi air keluar daripada tandas.

Apa yang saya ingin kemukakan di sini ialah dalam Dewan yang mulia ini kita banyak kali telah berhujah di mana kita mengatakan kita mesti menjimat wang kerajaan, kita mesti mengambil tindakan yang cepat untuk menangani sesuatu masalah di mana kita menekankan efficiency, dengan izin, dan seterusnya. Tetapi dukacitalah perkara seperti apa yang saya lihat dalam tandas kita di mana air telah keluar daripada 'flush' dengan izin, begitu lama. Mungkin perkara ini ada tujuan tertentu barangkali, tetapi sekiranya ia disebabkan tiada tindakan diambil oleh pihak yang berkenaan, saya rasa perlu kita ambil perhatian di sini. Jikalau perkara seperti ini tidak dapat diambil tindakan, dibaikpulih dalam masa yang singkat, di dalam bangunan yang mulia ini, apakah lagi perkara yang sama jika berlaku di tempat-tempat yang jauh daripada pusat-pusat kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya hanya diberikan masa lima minit tadi, maka dengan ini saya ingin menghentikan ucapan saya dengan memberi sokongan ke atas Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dan seterusnya saya

mengucapkan salam, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan 6(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin untuk mempengerusikan Majlis. Dato' Zuki dijemput.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menjemput adakah lagi yang hendak berucap, yang belum berucap.

[*Dua orang Ahli Yang Berhormat berdiri*] Saya dengan segala hormatnya menjemput ha... Yang Berhormat wanita dahulu. Lepas itu baharu Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin.

4.30 ptg.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai B.7. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Multimedia Super Corridor, ia menandakan negara akan mengalami lonjakan dalam bidang sains dan teknologi terutama teknologi maklumat. Sains dan teknologi memasuki negara dalam keadaan global dan universal. Datang dari berbagai-bagai pelosok dunia membawa bersama-samanya berbagai-bagai bentuk kebudayaan dan ideologi. Apabila kita membuka pintu kepada sains dan teknologi maka mahu tidak mahu kita terpaksa berhadapan dengan anasir-anasir yang masuk bersama-samanya itu.

Oleh kerana sains dan teknologi merupakan alat penting bagi kemajuan hidup manusia dalam mencapai kesejahteraan hidup di dunia ini adalah tidak wajar jika

kemasukannya disekat, tetapi anasir-anasir yang menyertainya mestilah ditapis dengan teliti. Dalam mengejar kesejahteraan hidup di dunia ini kita tidak harus membelakangkan kesejahteraan hidup di akhirat.

Kesejahteraan hidup di akhirat diperolehi melalui agama. Jika agama seseorang itu rosak di dalam dunia ini maka rugilah hidupnya di akhirat nanti. Oleh itu langkah tegas perlu diambil dalam melindungi agama. Di dalam menyambut kemasukan sains dan teknologi yang begitu pesat kaum muslimin mestilah diberi kesedaran tentang kedudukan sains dan teknologi dalam pandangan agama. Agama tidak memusuhi sains dan teknologi malah beberapa bahagian di dalam Al-Quran membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan sains dan teknologi. Hadis-hadis juga ada membincangkan perkara-perkara tersebut.

Selain dari itu sejarah umat Islam juga telah membuktikan bahawa pernah lahir di kalangan kaum muslimin, orang-orang saleh yang memberi sumbangan besar kepada dunia sains dan teknologi. Seperti di dalam bidang-bidang perubatan, astronomi, kimia, pelayaran dan lain-lain. Umat Islam haruslah diberi kesedaran kepada pusaka sains dan teknologi yang ditinggalkan oleh nenek-moyang mereka. Dan mereka juga mesti memahami kedudukan sains dan teknologi pada pandangan agama.

Gerakan yang cergas haruslah diambil oleh Kementerian Penerangan dan Kementerian Pendidikan di dalam menyebarkan maklumat berkenaan. Saluran TV khususnya perlu menampilkan dengan lebih kerap ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang membicarakan tentang sains dan teknologi. Kisah-kisah ulamak yang berkecimpung di dalam bidang sains dan teknologi harus dibawa kepengetahuan masyarakat umum.

Kementerian Pendidikan pula haruslah memasukan ayat-ayat dan hadis-hadis berkenaan ke dalam sukatan pelajaran agama di sekolah-sekolah. Di dalam mata

pelajaran sejarah pula riwayat ahli-ahli sains muslim hendaklah dimasukkan ke dalam buku-buku sejarah yang diajarkan kepada murid-murid sekolah. Apabila kaum muslimin mengakui kedudukan sains dan teknologi yang diperakui oleh agama maka terjahlah sains dan teknologi ke dalam masyarakat tidaklah menyebabkan berlaku kegoncangan akidah dan daya nilai.

Saya ingin pula menyentuh mengenai B.34 - Kementerian Kesihatan iaitu untuk menyediakan kemudahan bersalin termasuk wad bersalin di pusat-pusat kesihatan. Kita akui memang Kementerian Kesihatan sekarang sedang beroperasi dan menjalankan tugasnya dengan baik tetapi pada pandangan saya pusat-pusat kesihatan sudah banyak didirikan di kawasan-kawasan luar bandar dan keperluan perubatan yang asas disediakan di pusat-pusat kesihatan tersebut. Di antara perkhidmatan perubatan yang disediakan ialah bidan-bidan yang terlatih. Buat masa ini bidan-bidan tersebut lebih berperanan memberi khidmat kepada bakal-bakal ibu dan juga khidmat susulan kepada ibu-ibu yang baharu bersalin.

Memandangkan mutu perbidanan yang dimiliki oleh bidan-bidan kerajaan sudah meningkat tinggi adalah wajar jika khidmat mereka digunakan bagi menyambut kelahiran bayi-bayi. Khidmat bidan untuk ibu-ibu yang bersalin itu boleh dilakukan di pusat-pusat kesihatan. Sehubungan dengan itu wad bersalin juga perlu disediakan di pusat-pusat kesihatan berkenaan. Langkah ini akan membantu kaum wanita di kampung-kampung melahirkan anak tanpa pergi ke hospital-hospital di bandar. Ia juga membantu mengurangkan beban doktor-doktor yang bertugas di hospital-hospital. Doktor-doktor akan berpeluang memberi perkhidmatan perubatan kepada pesakit-pesakit lain yang masih memerlukan khidmatnya.

Ramai pesakit-pesakit miskin memerlukan rawatan moden dan khususnya memerlukan perbelanjaan yang besar. Sebahagian daripada mereka telah mendapatkan kerjasama pihak media seperti TV dan akhbar bagi mengutip derma untuk perbelanjaan perubatan mereka. Khidmat yang telah dicurahkan oleh pihak-pihak tersebut perlu dihargai. Sebahagian dari pesakit-pesakit yang miskin itu tidak berpeluang untuk mendapatkan derma melalui TV atau akhbar. Dicadangkan Tabung Perubatan Pesakit-pesakit Miskin ditubuhkan di semua hospital. Orang ramai yang sentiasa mengunjungi hospital termasuk ke wad-wad berpeluang menghulurkan derma mereka. Tabung yang beroperasi sepanjang masa itu dapat membantu pesakit-pesakit miskin memperolehi rawatan khusus menurut syor pihak hospital berkenaan. Badan-badan korporat pun boleh menyumbang untuk tabung tersebut. Sumbangan daripada orang ramai dan badan-badan korporat juga bantuan-bantuan daripada kerajaan termasuk juga derma yang dianjurkan oleh pihak media akan memberi rakyat yang miskin peluang mendapat rawatan yang sempurna. Sekianlah sahaja saya sudahi dengan wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang dari Terengganu. Sekarang ini saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin - ucapan ulungnya yang mewakili Orang Asli yang datang dari Pahang. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 tetapi saya ingin membincangkan B.48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Dulunya Orang Asli memang diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi sekarang ini entah sebab apa, mungkin Orang Asli sudah tidak berpadu agaknya, pindah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Mungkin tidak membangun agaknya masyarakat, jadi itu sebabnya diletak di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Sejak dahulu Orang Asli duduk di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sehingga hari ini sudah lari kepada kementerian lain, saya dapati tidak banyak berubah terutama sekali kalau kita lihat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, peruntukannya agak banyak dan kita lihat di perkampungan Orang Asli, ada sedikit ketinggalan. Kadang kala kita lihat jalan ke kubur lebih baik daripada jalan pergi ke kampung Orang Asli. Di perkampungan Orang Asli, kalau di hadapannya kampung orang Melayu, di pedalamannya kampung Orang Asli, di depannya jalan tar dan di hujungnya jalan tanah merah. Kadang-kadang jalan balak sahaja yang ada. Jadi, saya memohon kepada kementerian supaya memberi perhatian yang lebih kepada kampung-kampung Orang Asli yang berkenaan.

Di samping itu juga, sebelum saya jadi Yang Berhormat, duduk di dalam Dewan yang mulia ini, saya pernah - banyak kali - berbincang dan berjumpa dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar terutama sekali Yang Berhormat Dato' Annuar Musa. Bahasanya cantik, katanya bagus, dia kata memang kita hendak bangunkan Orang Asli semuanya. Saya sudah arah kepada DO-DO, SDO-SDO bangunkan kampung Orang Asli tetapi malang sekali saya dapati pegawai-pegawai yang ada di daerah terutama ADO

pembangunan, apabila mereka merancang untuk pembangunan kampung-kampung yang terpinggir dengan kampung-kampung Orang Asli, mereka hanya sukut kampung-kampung yang tidak sampai di kampung orang Melayu. Saya berasa terkilan kalau jalan itu pada mulanya - saya pegawai kerajaan sebelum ini, bila hendak melawat kampung orang Melayu, hendak beri projek, saya kadang-kala masuk terus ke dalam. Bila masuk kampung Orang Asli terpaksa balik basuh kereta sebab jalannya teruk. Jadi saya memohon di dalam Dewan yang mulia ini semoga kampung-kampung Orang Asli juga diberi perhatian. Apabila hendak bangunkan jalan luar bandar, pembangunan infrastruktur dalam kampung-kampung yang berhampiran supaya mengambil kira juga kampung-kampung yang berdekatan terutama kampung-kampung Orang Asli sebab mereka ini adalah pengundi yang kuat kepada Barisan Nasional.

Yang kedua, tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengambil alih sekolah-sekolah Orang Asli di seluruh Malaysia. Dan sepatutnya perkara ini telah berlaku sejak merdeka lagi. Itu sebabnya kalau kita lihat orang di Sarawak dan Sabah lebih maju daripada Orang Asli di Semenanjung, sebabnya sekolah mereka telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sejak dahulu lagi.

Malangnya, sejak akhir-akhir ini, Menteri Pendidikan kita, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib telah berusaha, tahniah kepada beliau kerana berani untuk mengambil alih sekolah-sekolah Orang Asli yang ada di pelosok tanah air. Tetapi, saya terkilan sedikit, ada beberapa kelemahan yang masih terdapat di kalangan sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman. Ramai di kalangan kakitangan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dahulu yang masuk maktab perguruan secara, dengan izin, on the job training, kemudian berpindah kepada Kementerian Pendidikan masih membudayakan budaya lama, datang sekolah pukul 9.00 pagi balik pukul 11.00 pagi.

Jadi, saya harap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian perkara ini, saya mencadangkan supaya guru-guru yang datangnye daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini sepatutnya dihantar ke sekolah-sekolah kebangsaan yang biasa ini, supaya budaya mereka bertukar dan guru-guru yang datangnye daripada sekolah-sekolah kebangsaan di luar-luar ini masuk di dalam. Di samping itu kalau boleh berilah elaun susah mereka, sebab kampung-kampung Orang Asli ini maklum sahajalah, ada yang kena malaria, yang jauh di pedalaman, naik bot dan sebagainya.

Yang ketiga, B.26 - Kementerian Kesihatan. Tadi, saya bertanya Kementerian Kesihatan tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli, katanya perlu beri notis, malanglah sebab saya datang di pertengahan Dewan ini bersidang, tidak sempat hendak tulis dalam pertanyaan-pertanyaan mulut, tetapi saya berjanji akan menulis kepada kementerian untuk masa yang akan datang.

Seharusnya, Kementerian Kesihatan juga mengikuti jejak langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan. Kenapa saya berkata begitu, kerana kalau hendak mengharapkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, saya rasa banyak kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur, dari segi kemudahan termasuk doktor-doktor dan pakar-pakar. Itu sebabnya, didapati bahawa berlaku kes-kes di mana terdapat Orang Asli yang mati disebabkan mabuk ubat. Dua, tiga kes saya lihat, saya baca dalam surat khabar, mati sebab makan lebih pil malaria, siasat sana, siasat sini, kita pun tak tahu apa sebabnya, puncanya kenapa. Mungkin ini merupakan perhubungan di antara golongan Orang Asli dengan masyarakat di luar. Semoga dengan pakar-pakar yang ada di Kementerian Kesihatan dapat membantu Orang Asli menggunakan perubatan moden yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Orang Asli ini bersaing di antara perubatan moden dengan perubatan tradisional. Tongkat-tongkat Ali dan Ubi Jaga sekarang ini telah menular ke bandar dan pil-pil moden masuk ke kampung. Jadi, sepatutnya kedua-dua perkara ini diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan supaya mengadakan satu penyambungan di antara kedua-duanya.

Tuan Ding Seling: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, minta laluan, kalau boleh diberi!

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya kagum melihat saudara saya Ahli kita yang baru berucap, tetapi ada satu perkara yang saya ingin tahu. Beliau tadi sedang berucap mengenai perubatan tetapi menyentuh perkara Tongkat Ali pula. Apakah tongkat ini jadi ubatkah? Apa ubat Tongkat Ali itu?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat tidak tahu Tongkat Ali lagi hingga setakat ini? *[Ketawa]*

Tuan Ding Seling: Itulah saya hendak minta penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, minta penjelasan! *[Ketawa]*

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tongkat Ali ini sejenis pokok di mana mempunyai khasiat untuk lelaki. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu khasiat yang lebih terperinci, ke luar Dewan saya akan beritahu, sebab banyak rahsianya. *[Ketawa]* Begitu juga dengan Ubi Jaga, memang dia akan berjaga terus!

Saya harap Ahli Yang Berhormat faham maksud saya, kalau hendak lebih detail, di luar Majlis ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, saya harap tidak ramai sangat jumpa selepas ini nanti! *[Ketawa]*

Tuan Long bin Jidin: Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, harapan saya semoga hospital-hospital dan kemudahan perubatan yang ada di Kementerian Kesihatan itu diberi ruang kepada Orang-orang Asli yang ada di pedalaman untuk menikmati sama kemudahan perubatan yang ada serupa seperti orang-orang lain juga di negara kita.

Dan akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pemimpin negara kerana memilih saya duduk dalam Dewan ini, kalau tidak terlewatlah, sesudah tiga hari baru saya dapat berucap dengan begitu lama sedikit, lebih daripada lima minit. Dengan kepercayaan yang diberi kepada saya, saya akan gunakan kepercayaan itu semolek mungkin untuk masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin. Nampaknya sudah tidak ada lagi yang hendak berucap dan saya pun tidak hendak membenarkan lagi sesiapa yang hendak berucap, hanya saya sahaja yang tidak berucap. Jadi, saya dengan segala hormatnya meminta Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan untuk menjawab.

4.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 di Dewan Negara ini.

Pertanyaan dan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mengenai supaya dapat kerajaan memberi lebih banyak lagi peluang pendidikan tinggi kepada penduduk-penduduk luar bandar. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sekarang ini telah menambah bilangan institusi pendidikan tinggi melalui menubuhkan institusi-institusi baru ataupun menubuhkan kampus-kampus cawangan.

Dan juga, kerajaan sedang mempertingkatkan kemudahan yang sedia ada di Intitut Pengajian Tinggi (IPT) supaya setiap IPT dapat menampung sehingga 20,000 pelajar supaya 40% penduduk yang berumur di antara 19 tahun sehingga 21 tahun menikmati pendidikan tinggi menjelang tahun 2020.

Dalam keadaan ini banyak yang telah diperkatakan bahawa kita kekurangan asrama dan oleh kerana itu penuntut-penuntut Tahun 2 dan Tahun 3 dikehendaki mendiami di luar kampus dan penuntut-penuntut baru dimestikan untuk mendiami hostel-hostel yang ada di dalam kampus jika rumah mereka tidak berhampiran dengan kampus.

Oleh kerana itu, sekarang ini kita rasakan Kementerian Pendidikan juga akan menubuhkan satu universiti, menaikkan taraf institut di Tanjong Malim dan ia akan dijadikan universiti pendidikan. Dan juga pada ketika ini ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan masalah profesor-profesor dan lecturers, pensyarah-pensyarah lari daripada universiti, sedangkan kita menghantar ramai anak-anak kita

belajar di universiti oleh kerana gaji dan sebagainya. Perkara ini sedang diambil perhatian oleh kerajaan.

Dalam keadaan transisi ini kita dapat melihat bahawa lecturer ataupun pensyarah yang hendak naik pangkat ada kriteria-kriterianya, pertamanya hendaklah mengadakan kajian dan sebagainya. Tetapi oleh kerana kita telah pun ramai penuntut-penuntut dan sekarang ini pun di sesetengah universiti nampaknya pensyarah telah menjadi guru di sekolah rendah dan tidak ada masa untuk membuat penyelidikan. Dan juga kita juga menggalakkan anak-anak kita yang tidak dapat memasuki universiti dan pegawai-pegawai kerajaan, kemudahan pendidikan jarak jauh. Jadi, di sinilah kita mengharapkan supaya dapat diperimbangi balik supaya kenaikan pangkat lecturer, pensyarah-pensyarah itu bukan sahaja dengan kajian-kajiannya tetapi 'caring' kepada student yang ada kerana tanpa student tanpa pensyarah.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah menyarankan mengenai peruntukan RM1.6 juta perlu ditambah untuk keperluan pembelian komputer bagi Internet negara maju dan juga keperluan teknologi maklumat ini. Kita telah pun menyatakan bahawa MSC akan terus dilancarkan dan usaha sedang dibuat untuk menambah peruntukan pembelian komputer untuk tujuan ini iaitu memperluaskan pengurusan sistem maklumat, memperbaiki lagi sistem Jaringan dalam dan di luar negara, mengemaskinikan lagi sistem maklumat selaras dengan perkembangan multimedia super koridor yang juga telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah mengatakan apakah rasionalnya kerajaan membeli pelbagai jenis pesawat ketenteraan dan adakah ia menimbulkan masalah bagi sumber alat ganti dan sebagainya. Ini suatu pandangan yang bagus dan rasional yang dibuat oleh kerajaan bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap

faktor-faktor klasifikasi khas seperti penelitian latar belakang, pembuatan pesawat, negara pengeluar, kesesuaian kecanggihan sistem pesawat tersebut, kemampuan operasinya, keupayaan dan kebolehan penyelenggaraan pesawat dan kos-kos yang efektif dan pembinaan teknologi.

Jadi, kerajaan mempelbagaikan jenis pesawat mengikut spesifikasi tugas masing-masing dan diperolehi dari beberapa negara maju kerana kepakaran sesebuah

Tuan Hanipah bin Ahmad: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, ada yang minta laluan, kalau boleh!

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya hendak kena gosan balik, sebab masa saya bangun tadi, Tuan Yang di-Pertua dia ada ghalit sedikit, maka penghujahan saya itu ada berbalik ke belakang balik. Saya ingin mendapat penjelasan dalam sebutan pihak kerajaan tadi, sekarang terdapat pensyarah menjadi guru di sekolah rendah. Jadi, saya hendak mendapat pentafsiran macam manakah dan bagaimanakah perkara itu boleh berlaku dan saya takut kalau ini yang berlaku sistem pendidikan kita ini, orang kampung kata 'sudah jadi begitu celaru'.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan di atas anggapan yang telah diperkatakan tadi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah transisi di mana transisi kita mempunyai masalah equilibrium yang belum lagi seirama di antara penuntut-penuntut yang ramai masuk kerana kita hendak mengejar Wawasan 2020 dengan pensyarah-pensyarah yang ramai balik dan pensyarah-pensyarah yang lama dan Yang Berhormat Puan Kamalia katakan itu, ramai yang keluar kalau gajinya tidak lumayan.

Jadi, di sinilah perimbangan itu akan menjadikan terjejas, kalau kita tengok dari segi teori perubahan ataupun theory of change, satu-satu perubahan itu akan berlaku di mana equilibrium akan wujud ketidakseimbangan. Selepas itu baru tenang balik.

Jadi, di sini kita nampak bahawa ramai sekarang ini hendak masuk universiti dan kita hendak menjadikan pendidikan sebagai satu komoditi kecemerlangan dan kita berharap supaya ramai lagi penuntut-penuntut kita tidak kita hantar ke luar negara, memadai dengan di sini.

Dan sekarang ini kita ada twinning pula, twinning university dan juga universiti-universiti swasta yang dijalankan oleh Petronas, Telekom dan sebagainya. Jadi, kita memerlukan ramai lagi pensyarah-pensyarah untuk balik ke negara kita.

Jadi, dengan keadaan yang terdesak sebegini tentulah ada disequilibrium di mana saya katakan tadi bahawa ada cadangan yang dikeluarkan supaya pensyarah itu sendiri lulus Diploma Pendidikan dapat dia mengajar cara betul daripada dia membaca nota sahaja, dia tidak peduli sama ada student atau penuntut-penuntut itu faham atau tidak, selepas itu dia keluar.

Jadi, oleh kerana kriteria kenaikan pangkat itu salah satunya ialah merupakan research ataupun penyelidikan, jadi, dia tidak ada masa untuk penuntut-penuntut yang ramai. Jadi, di sinilah kita mengharapkan supaya disequilibrium ini akan dapat dikenalkan apabila ramai lagi pensyarah-pensyarah kita yang balik terus menyandang Ph.D. bukan sahaja Master sekarang ini, daripada Bachelor terus mendapat Ph.D. dan balik dan kita berharap supaya dapat kekurangan tenaga-tenaga pensyarah ini diisi. Jadi, itulah yang saya gambarkan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah menyatakan bahawa kita telah dapat 8 buah Hornet dan kita tidak mahu masukan semua telur dalam sebuah

bakul. Jadi, kita hendakkan kalau boleh apa yang rasional dibuat oleh kerajaan ialah tiap-tiap kapal terbang itu mempunyai keupayaannya sendiri dan mempunyai kecenderungan teknologi dan kekuatannya sendiri. Pada satu peringkat kita menggunakan MiG dan satu peringkat lagi kita akan menggunakan Hornet, manakala satu peringkat lagi kita menggunakan kapal terbang lama walaupun dikatakan 'metal fatigue'. Tetapi apa yang diperkatakan oleh Menteri Pertahanan bahawa kita akan melihat sama ada Nuri itu akan diletakkan sebelah atau grounded, dengan izin melihat kepada laporan-laporan dua buah helikopter Nuri yang jatuh di Sabah baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga telah pun menyarankan supaya jumlah pegawai kerajaan terutamanya PTD dari kalangan mereka yang mempunyai kelulusan dalam bidang sains dan teknologi. Saya berkesempatan menjadi pensyarah di INTAN dan saya telah menjaga kadet PTD selama 2 tahun, tahun pertama seramai 100 orang. Pada tahun 80-an 140 orang dan tahun yang kedua seramai 89 orang, saya kenal mereka luar dalam, kerana kita ada kaunseling dan sebagainya.

Kita juga nampak bahawa ramai graduan dari jurusan sains dan teknologi masuk ke PTD, daripada agriculture engineering, dengan izin masuk ke PTD dan sebagainya. Jadi, apa yang kita buat apabila mereka dihantar bertugas di kementerian-kementerian yang berkenaan, jadi kita hantar ke kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan First Degree mereka supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih bagus lagi, selain dari pentadbiran, tetapi mereka tahu juga masalah profesion di bidang sains dan teknologi.

Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah menyatakan mengenai kebakaran rumah panjang, terlalu cepat terbakar dan begitu juga Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin

Ali mengatakan bahawa kadang-kadang air yang bocor itu lebih deras lagi daripada air yang ada untuk memancut tempat kebakaran. Jadi....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Air yang bocor di mana ini Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Dia bangkitkan masalah di kampung-kampung selalunya bomba akan datang, tetapi oleh kerana water pressure kurang, jadi air itu meleleh sahaja. Kadang-kadang water pressure ini kurang kerana ada paip-paip yang bocor. Jadi, paip-paip yang bocor dikatakan airnya lebih kuat lagi memancut daripada pili yang disenggarakan oleh bomba.

Di sini kita memandang berat tentang perkara ini dan telah banyak juga diperkatakan bahawa kementerian sedang berusaha untuk mengadakan kadet-kadet bomba di sekolah-sekolah supaya prihatin kepada masalah kebakaran ini. Begitu juga kadet bomba sukarela yang ada seperti di tempat-tempat yang banyak kejadian kebakaran berlaku.

Juga diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai bomba sekarang ini 'rescue team' iaitu pasukan penyelamat bukan lagi bomba semata-mata, kerana mereka sekarang ini lebih mengutamakan kepada panggilan-panggilan apabila ada accident dan sebagainya.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada mengatakan bahawa kita sekarang ini sedang melengkapkan barang-barang canggih, alat-alat canggih kepada ahli-ahli bomba kita kerana kita ada mempunyai sky scraper, twin tower dan sebagainya. Selain daripada itu bangunan-bangunan tinggi ini juga dikatakan intelligent building, di mana mereka sendiri ada pengesanan-pengesanan jika ada berlaku kebakaran dan pili-pili bomba yang canggih di sekitar tempat itu.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah mengatakan bahawa peranan MARDI dalam bidang penyelidikan pertanian hendaklah serupa dengan MIMOS dan sebagainya. Kita bersetuju dengan pandangan itu dan MARDI sekarang inipun telah banyak membuat penyelidikan dan sepertimana yang saya katakan tadi bahawa kerajaan telah pun memberi sebanyak RM300 juta peruntukan untuk makanan dan kita berharap ramai lagi pekebun-pekebun kecil akan tampil ke hadapan untuk membuat pinjaman dalam perkara ini.

Kementerian Pertanian sekarang sedang melihat balik Dasar Pertanian Negara dan segala pandangan mengenai MARDI, penyelidikannya dan mengenai program-program serta perkembangan yang dilakukan akan diambil perhatian oleh Kementerian Pertanian.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga telah menyarankan mengenai masalah zakat, ada orang-orang Islam yang tidak dapat kereta roda dan sebagainya kerana penyenggaraan zakat itu tidak sempurna. Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dahulunya Pusat Islam akan berusaha sedaya-upaya untuk menyelaraskan masalah-masalah pentadbiran ini dan ini adalah mengenai pengurusan kewangan. Jadi, kita telah pun memperkatakan tempoh hari bahawa masalah zakat ini ialah masalah kerajaan negeri dan jika hendak dibawa ke peringkat Persekutuan, Perlembagaan perlu dipinda. Walau bagaimanapun, kita akan memberikan pandangan-pandangan daripada Persekutuan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya zakat ini diberi kepada pegawai-pegawai yang berkebolehan dan berkeupayaan untuk mengendalikan pengurusan zakat.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga mencadangkan supaya ITM diberi nama universiti, memandangkan ia sudah dinaikkan taraf universiti dan saya rasakan ini cuma masalah persepsi, kerana di ITM telah ada banyak ijazah di peringkat bukan sahaja Masters tetapi juga di peringkat Ph.D dikeluarkan, kerana kita baru sahaja

tahun lepas menaikkan taraf ITM ini. Kita rasa amat perlu sepertimana yang beliau sarankan, macam ITM di Amerika dan juga Institut Teknologi Bandung, institut sahaja namanya, tetapi pelajar-pelajar di situ terkenal, oleh kerana pensyarah-pensyarah mereka yang terbilang. Kita mengharapkan masalah persepsi ini tidak akan timbul, tetapi kalau misalnya kita hendakkan nama universiti itu dimasukkan, maka terpaksa kita meminda Rang Undang-undang ITM yang baru diluluskan tahun lepas.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali telah menyentuh mengenai tabung pendidikan tinggi nasional untuk semua penuntut IPT awam. Beliau merasa kesal kerana telah dijawab secara acuh tidak acuh sahaja oleh kerajaan, tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ini akan dibentangkan di Dewan Negara, tetapi buat masa ini saya rasakan masalah yang kita hadapi ialah masalah information ataupun pengetahuan kerana saya rasakan MARA sekarang ini telah pun diarahkan di peringkat negeri untuk menerima permohonan-permohonan daripada anak-anak desa untuk mereka dapat membiayai masuk ke universiti. Selain daripada itu kita ada Bank Islam yang mempunyai satu dana khusus dan program khusus untuk perkara ini dan siapa yang telah pun meminjam tidak payah membebankan ibu bapa, kerana selepas dua belas tahun bekerja baru mereka diberi peluang untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.

Masalah memberi elaun khidmat pedalaman (hazard allowance) yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan di sini bahawa buat masa ini elaun hidup susah ataupun pembayaran insentif pedalaman sebanyak 10% daripada gaji pokok berkenaan telah pun diberi, kadar ini telah pun berubah secara automatik dengan perubahan gaji anggota perkhidmatan awam. Apabila mereka

mendapat kenaikan gaji, jadi banyak lagilah 10% daripada kenaikan gaji itu diberi kepada bayaran insentif pedalaman ini.

Guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman diutamakan untuk kenaikan pangkat, jadi ini pun akan diambil ingatan. Walau bagaimanapun, kenaikan pangkat guru adalah seperti kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan lain yang berdasarkan kepada perkhidmatan dan proses kerja mereka. Tetapi pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai memberikan motivasi pada mereka dan memindahkan mereka selepas dua tahun dan sebagainya akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali pun telah menyarankan bahawa pelajar-pelajar yang aktif dalam sukan diberi kelonggaran memasuki IPT. Ini telah pun dibuat oleh Universiti Pertanian Malaysia dan juga Universiti Malaya menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan sukan supaya olahragawan-olahragawan dan ahli-ahli sukan kita dapat meneruskan dan mendalami pembelajaran tentang sukan yang diminatinya. Pandangan ini saya rasakan sangat bagus.

Satu lagi mengenai masalah beras yang diperkatakan. Sekarang ini kita sudah ada Bernas telah pun diswastakan (privatise). Dahulu saya telah pun menyatakan bahawa dalam kita membeli dan menjual barang-barang komoditi, kita juga kena mengambil kira market yang luas. Jadi, saya telah mengatakan dahulu kalau kita menanam 100% self sufficiency untuk cukup hidup, cukup makan, maknanya tidak perlu kita import, jadi kita jual misalnya oil palm kepada negara jiran, jadi apa tukarannya nanti. Jadi, di sinilah kita rasakan, kita akan pergi kepada 70% dan 30% masih lagi kita import beras untuk dapat kita menukarkan pula dengan oil palm yang kita ada dan jualkan kepada mereka. Di sini adalah 'quick coco'nya, kalau tidak nanti kita asyik menjual kepada mereka, tetapi mereka tidak ada apa-apa yang dijual kepada kita nanti.

Mengenai isu kebajikan pekerja asing, perlindungan di bawah Undang-undang Buruh negara, mengikut Akta Kerja 1955 saya dari Kementerian Sumber Manusia dahulu, di Bahagian Dasar, bahawa semua pekerja asing yang masuk ke negara kita, yang sah tertakluk kepada Akta Kerja 1955, maknanya gaji mereka, spesifikasi kerja mereka serupa dengan perkerja-pekerja tempatan. Tetapi apa yang sedang berlaku sekarang ini, jika pekerja-pekerja itu masuk tanpa izin, jadi kalau ada penindasan yang dilakukan terhadap mereka, mereka takut hendak mengadu kepada pihak yang berwajib kerana mereka sendiri tidak sah. Jadi, dengan adanya undang-undang baru yang kita keluarkan yang telah pun diluluskan, bahawa majikan-majikan juga akan dikenakan tindakan jika mereka menggaji pendatang-pendatang asing yang tidak sah itu.

Mengenai perumahan pekerja asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali. Baru-baru ini Menteri Sumber Manusia telah pun menyatakan bahawa dia telah buat banyak inspection di bandar-bandar dan di Majlis-majlis Perbandaran, di Wilayah Persekutuan dan kerajaan hendakkan supaya Jabatan Buruh tidak memberikan kelulusan jika rumah-rumah yang dibuat untuk pekerja itu sambil lewa sahaja. Isu penggantungan kepada pekerja asing, tidak dapat kita nafikan bahawa banyak projek mega yang kita hendak lakukan, jadi kita memerlukan pekerja asing. Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa dengan kedatangan pekerja-pekerja asing ini, banyak pula gejala sosial yang berlaku.

Di sini juga telah diperkatakan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, baik di dalam Dewan di luar Dewan bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ini, ramai pemuda kita bukan masuk universiti tetapi masuk pusat serenti. Jadi, inilah masalah yang kita hadapi. Oleh itu, wanita bekerja kilang dan ada pekerja Bangladesh dan sebagainya. Jadi kalau waktu kita kecil dahulu, kita tengok filem Hindustan Sharabanu, Dev Anan dan

sebagainya, jadi permasalahan magnet ini berlaku. Kita juga mengharapkan supaya dapat kiranya nanti kita didik anak-anak kita terutamanya orang-orang muda supaya menjadi bapa yang berguna, kalau tidak nanti masalah yang timbul sekarang ini, orang perempuan masuk ke kilang bekerja, orang lelaki tunggu di luar, inilah masalah yang akan berlaku dan kalau kita buat unjuran nanti, saya takut isteri akan bekerja dan suami akan menjaga rumah serta anak.

Penggunaan perkhidmatan doktor swasta sekiranya majikan tidak mampu untuk mengadakan doktor swastanya sendiri, maka doktor panel akan diadakan. Ini telah pun diberikan perakuan oleh Kementerian Sumber Manusia bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan diambil perhatian dan tindakan sekerasnya.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah telah pun membangkitkan banyak isu. Pertamanya isu KAFA - Kelas Fardu Ain dan di sini saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa kelas KAFA ini hendaklah ditingkatkan dan JAKIM akan meningkatkan lagi taraf guru-guru KAFA di mana rundingan-rundingan seterusnya sedang dijalankan oleh agensi tersebut dengan pihak Pusat berkaitan dengan perkara ini. Kerajaan memang menghargai sumbangan guru-guru KAFA ini dan untuk meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran dan sebagainya dan sekali gus boleh kita mengelakkan gejala-gejala sosial yang berlaku.

Ahli Yang Berhormat Mastika Junaidah juga menimbulkan mengenai publisiti yang menurutnya buat masa ini seolah-olah tidak ada publisiti berhubung dengan hal-hal pertanian dan kementerian tersebut. Jadi, banyak hal-hal MSC sahaja tetapi hal-hal mengenai publisiti pertanian tidak seiringan. Jadi, sepertimana yang saya katakan tadi kita sedang menyemak Dasar Pertanian Negara dan apabila dasar itu digubal kembali dan kita akan cuba membuat publisiti yang lebih.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah juga menegur tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, berterima kasih kerana dapat mengadakan peruntukan untuk membeli komputer dan di sini ingin saya mengatakan bahawa sekarang ini SPA tidak lagi mengisytiharkan kerja-kerja kosong di akhbar cuma hujung tahun selepas anak-anak kita mengambil peperiksaan tetapi boleh dipohon bila-bila masa sahaja sepanjang tahun. Jadi, ini memerlukan komputer dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ada bidang-bidangnya seperti bidang ekonomi, kewangan, perakaunan, pentadbiran perniagaan, chartered transport, perancang bandar, sains laut, zoologi dan sebagainya. Jadi, kepada anak-anak kita yang ingin berkhidmat dengan kerajaan, bila dia balik dia terus boleh memohon tanpa menunggu iklan lagi. Jadi, dengan itu komputer digunakan untuk membuat storage dan retrieval untuk mengambil balik data-data berkenaan.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai maklumat perkhidmatan awam dan di sini MAMPU telah pun mengadakan maklumat perkhidmatan awam melalui Civil Service Link (CSL) - menyediakan maklumat mengenai agensi kerajaan. Jadi di sinilah kita harapkan orang-orang kampung atau orang-orang awam yang memerlukan perkhidmatan - hendak tahu mengenai sesuatu jabatan, kita ada Civil Service Link ini. Jadi, sejajar dengan arus kemajuan teknologi maklumat masa kini, sistem maklumat CSL telah disambungkan dengan rangkaian Internet dan ini bermakna maklumat dalam CSL boleh didapati melalui Internet dan sistem CSL berlandaskan Internet ini lebih dikenali sebagai CSL Gateway dan peranan utama CSL Gateway ini ialah menyelenggara pengkalan data CSL yang sedia ada di waktu yang sama menyambungkan dengan semua laman ataupun page website agensi-agensi kerajaan. Jadi, dengan adanya CSL ini nanti tidak banyak lagi masalah yang dihadapi oleh orang-

orang awam untuk mengetahui objektif tujuan dan bidang kerja yang boleh diberi perkhidmatan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan.

Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim telah pun menyarankan mengenai depository library dan pembelian buku-buku baru terbitan tempatan. Kita ada circular dahulu - saya rasa - bahawa semua buku-buku baru hendaklah diberi satu salinan kepada Perpustakaan Negara dan selain daripada itu cadangan depository library ini adalah baik dan di peringkat awal pelaksanaannya dan pada masa ini pembelian buku-buku baru terbitan tempatan adalah diberi keutamaan oleh Perpustakaan Negara.

Mengenai mempertingkatkan kempen membaca di kalangan pelajar dan juga menggunakan media untuk menggalakkan tabiat membaca, saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Puan Kamilia dan ini kita berharap sangat lagi supaya pihak swasta akan memainkan peranan yang dikatakan corporate profitability and social responsibility, dengan izin, supaya dapat sama-sama kita memberikan tumpuan kepada media untuk menggalakkan khidmat membaca ini.

Menjadikan menjaga kebersihan sebagai satu kurikulum. Ini saya rasakan tidak perlu kita mengadakan satu kurikulum khas dalam mata pelajaran tetapi diterapkan di dalam mata pelajaran lain secara merentas kurikulum. Jadi, tiap-tiap kali kita mengajar kita akan cuba menyelitkan unsur kebersihan dan sebagainya itu dalam kurikulum yang berkenaan dan dapat diajar secara tidak langsung dan Yang Berhormat juga meminta supaya kita menjadikan reproductive health sebagai satu kurikulum dan ini memerlukan kajian terperinci oleh kementerian. Banyak perdebatan telah pun dijalankan dan saya pun bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa banyak di antara anak-anak kita tidak tahu mengenai biological development dan sebagainya dan kita akan cuba melihat dan mengambil kira sensitivity masyarakat dan perlu kita lihat aspek-aspek

budaya masyarakat kita supaya dapat kita mengajarkannya, tidak pula orang cuba curiosity itu lebih.

Dan mengenai hasil-hasil penyelidikan universiti, saya telah mengatakan kita ada, apa yang dikatakan peruntukan IRPA tetapi dalam keadaan sekarang sepertimana yang saya katakan tadi kerana ramai sangat penuntut-penuntut yang kita ambil, jadi terpulang kepada universiti dan lecturer yang berkenaan. Ada lecturer menumpukan sepenuhnya kepada penyelidikan, tidak menghiraukan anak murid. Ada pula lecturer yang menumpukan anak murid kerana kasih sayangnya tetapi tidak pula menumpukan kepada penyelidikan, jadi di dalam masalah equilibrium ini kita harapkan dengan kembalinya banyak pensyarah-pensyarah kita dari luar negara masalah ini dapat diatasi.

Pelan Tindakan Sosial Negara yang telah dibangkitkan telah juga dijawab oleh Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi dan kita merasakan bahawa Pelan Tindakan Sosial Negara ini hendaklah kita buat secara berterusan dan bersungguh-sungguh. Sepertimana kata Yang Berhormat, bukannya setakat *ad hoc*, bukan sahaja kepada kanak-kanak, remaja, dewasa dan sebagainya tetapi sekarang ini juga kita melihat supaya rumah murah ada tiga bilik, PPRT pun kita hendakkan kalau boleh kita buat dua bilik. Masalahnya tidak ada bilik ini yang problem dan banyak perkara-perkara sumbang dilakukan oleh bapa kepada anak sendiri, ibarat kata pepatah Melayu 'Ikan haruan makan anak'.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah mencadangkan supaya pindaan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis supaya menjadikan kegiatan pelacuran sebagai satu perlakuan jenayah. Jadi, di sini kegiatan pelacuran adalah satu masalah sosial sekarang ini dan peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang adalah salah satu perkara yang terkandung di dalam PINTAS yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah pun menyatakan bahawa guru Darjah Enam, Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima perlu membantu pelajar-pelajar mengisi borang dan sebagainya dan Kementerian Pendidikan telah pun mengatakan bahawa dasar kita sekarang ini untuk mengadakan kaunseling di sekolah menengah terutamanya dan kaunseling ini jangan disalah ertikan bahawa budak yang bermasalah sahaja pergi berjumpa kaunselor tetapi budak-budak yang pintar juga boleh berjumpa kaunselor - bagaimana dia hendak memperbaiki lagi tingkatan-tingkatan pelajarannya dan juga ke mana dia pergi selepas itu, seperti yang kita katakan career counselling dan sebagainya. Jadi, budak-budak pekan kalau dia berjumpa kaunselor dia tahu, lepas Tingkatan Lima dia hendak buat accountancy dan sebagainya tetapi kalau misalnya kaunselor tidak ada di sekolah di ceruk-ceruk kampung, masalahnya sampai Form Five pun tidak tahu.

Ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan semalam - yang mempunyai Gred I pun sampai dua tahun duduk di rumah kerana saya rasakan combination of subject tidak betul. Kalau misalnya mereka mengambil sains dan subjek sainsnya lemah tetapi dia mengambil English dan juga katakan ada Sejarah (History), jadi English dan History itu boleh dicantumkan, dia boleh buat Undang-undang (Law). Jadi, di sinilah combination of subject ini perlu dan kita berharap supaya guru-guru dapat meneliti pengambilan subjek ataupun mata pelajaran yang hendak diambil oleh anak-anak kita supaya dapat combination itu bagus.

Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan telah pun membangkitkan mengenai pengusaha stesen minyak bumiputera yang kurang - dikatakan 5% sahaja - Saya mempunyai data-data di sini daripada Petroleum Development Act yang telah pun dilancarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan kita lihat bahawa pengusaha stesen

minyak, pemasaran, perkhidmatan pengangkutan dan juga pengedaran baja, petrokimia, perkhidmatan ini kita dapati bahawa bumiputera seramai 6,365 orang dan bukan bumiputera keseluruhannya sebanyak 4,385 orang. Jadi, di sini kita merasakan bahawa kita mengatakan cuma bumiputera hanya dalam 5% sahaja tidak betul.

Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan juga telah membangkitkan masalah Akta Perhutanan Negara. Kerajaan negeri diberi kuasa penuh untuk menebang pokok balak dan sebagainya. Jadi, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sentiasa berbincang menerusi penyelesaian mengenai isu-isu yang berkenaan. Jadi pada tiap-tiap tahun Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan satu Majlis Perhutanan Negara dan banyak masalah itu dibangkitkan di dalam Majlis ini untuk diambil tindakan bersama dan kerajaan telah pun menyediakan beberapa garis panduan dalam penebangan pokok dan sebagainya dan kita mengharapkan bahawa kerajaan negeri akan memberi keutamaan dalam perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah menyarankan supaya dibuat anjakan paradigma terhadap pemahaman budaya dan cara kaum. Ini kes yang disebutkannya, jadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya Jabatan Peguam Negara akan mengadakan kursus-kursus terutamanya Sabah dan Sarawak kerana banyak sangat suku kaum dan sensitivity tentang budaya-budaya kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dan ini dulu kita ada di Jabatan Perkhidmatan Awam mengadakan kursus-kursus khas sebelum pegawai-pegawai kita pergi berkhidmat ke Sabah dan Sarawak dan kita harapkan bahawa kursus-kursus ini akan dilanjutkan lagi.

Mengenai tiada rumah guru dan juga mengenai masalah guru-guru dan sekolah-sekolah yang simpang-perenang dan tidak cukup peralatan, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga diambil oleh bukan sahaja Kementerian Pendidikan tetapi juga

Kementerian Luar Bandar bahawa kita akan mengadakan banyak lagi generator kepada sekolah-sekolah kampung supaya dapat mereka menggunakan kuasa untuk mengadakan kelas-kelas komputer dan sebagainya supaya tidak tertinggal dengan kaum-kaum yang lain. Untuk guru kita akan mengadakan peruntukan supaya dapat rumah-rumah guru disediakan sebagai insentif untuk mereka bekerja di pedalaman selain daripada insentif imbuhan yang telah diperkatakan tadi dan juga guru yang mengajar di kawasan pedalaman, kita tidak akan lupakan dan kita akan beri kursus-kursus motivasi dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Hajah Khadijah telah pun menyarankan pandangan-pandangannya tentang MSC dan penapisan-penapisan dan meminta kalau dapat dalam sains dan teknologi, agama ini dititikberatkan dan baru-baru ini seorang Profesor daripada Washington University telah pun berkunjung ke sini dan menerangkan mengenai sains dan agama - Profesor Syed Hussin Nas - dan telah pun banyak mendapat sambutan daripada para intelektual daripada universiti-universiti dan kita sedang melihat perkara ini dan kita akan mengambil ingatan daripada saranan-saranan yang telah diberikan dan meminta juga sejarah-sejarah supaya dibuat peneroka-peneroka sains teknologi Islam itu dimasukkan. Saya dapat melihat satu buku yang ada di Kementerian Pendidikan daripada segi persejarahan tokoh-tokoh, bukan sahaja pendekar-pendekar, alim ulama dan juga para saintis Islam yang telah pun dibukukan sebagai buku rujukan di sekolah-sekolah.

Kementerian Kesihatan diminta kalau boleh pusat kesihatan luar bandar itu ada facilities untuk orang perempuan bersalin, bidan-bidan pun sudah ada dan telah pun kita beri kursus dan pandangan ini akan diambil ingatan.

Yang Berhormat Long bin Jidin telah pun mengatakan perkampungan Orang Asli banyak tertinggal dan saya mengambil maklum tentang perkara ini dan di kawasan saya

pun ada ramai Orang Asli, di Busut Baru, Orang Asli ini sudah tiga kali pindah, pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia pindah ke KLIA, kemudian dibuat KLIA, pindah ke tempat saya dan saya mengambil perhatian berat terhadap Orang-orang Asli ini.

Seperti kata Yang Berhormat Tuan Long Jidin tadi bahawa Orang Asli ini penyokong kuat kerajaan dan kita akan mengambil tindakan yang bersesuaian. Kementerian Pendidikan telah pun mengambil alih sekolah-sekolah Orang Asli ini dan kita akan cuba mengimplementasikan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi supaya guru-guru di sekolah Orang Asli ini ditukarkan dan guru-guru daripada kementerian dimasukkan ke situ supaya budaya masuk pukul 9.00 dan keluar pukul 11.00 itu tidak akan berulang lagi.

Mengenai Kementerian Kesihatan, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, masalah penggunaan ubat ini. Saya merasakan sudah banyak disiarkan di akhbar bahawa ramai Orang Asli meninggal kerana miscommunication, dengan izin. Kadang-kadang dresser itu mengatakan supaya ubat ini diambil dan dihabiskan, jangan ditinggalkan. Jadi, dia pun balik ke rumah, dia ambil, dia habiskan terus ubat itu, jadi overloaded. Inilah masalah ramai daripada Orang-orang Asli ini meninggal dunia kerana dia ingat dia habiskan itu dengan sekali makan, jadi masalah-masalah ini berlaku. Kita akan meminta supaya Kementerian Kesihatan akan beri lagi banyak kursus komunikasi kepada pegawai-pegawai kita di Kementerian Kesihatan yang bersemuka dengan orang-orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya setakat inilah sahaja ulasan-ulasan yang dapat saya berikan. Mana-mana ulasan yang tidak saya berikan, pegawai-pegawai saya akan mengambil ingatan tentang perkara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang telah pun menjawab kebanyakan kementerian dengan begitu bijak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.35 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibacakan pada kali yang kedua sekarang.

Akta Insurans Luar Pesisir 1990 adalah merupakan akta yang mentadbir hal ehwal pelesenan dan pengawalseliaan industri perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya seperti perlantikan dan tugas-tugas juruaudit, tanggungjawab mengemukakan penyata-penyata kewangan dan kuasa mengkompaun kesalahan.

Setelah 6 tahun akta itu berkuatkuasa, ia kini dirasai perlu dipinda untuk memastikan regim pengawalseliaan industri insurans luar pesisir negara diperkemaskan sejajar dengan arus pembangunan di pusat-pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) terkemuka yang lain di dunia.

Pindaan yang dicadangkan ini pada amnya merupakan usaha untuk mengemaskinikan beberapa peruntukan akta yang sedia ada khususnya untuk mengurangkan keperluan modal bagi menjalankan perniagaan insurans kaptif, meluaskan aktiviti perniagaan bagi pengurus insurans dan meningkatkan kaedah pengawalseliaan serta mengambil kira dasar-dasar terkini kerajaan mengenai industri kewangan.

Beberapa peruntukan akta yang kurang jelas dan menimbulkan masalah perlu diperkemaskan dan diperbaiki bagi memastikan keberkesanannya, termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan tafsiran dan hal-hal berkaitan dengan perniagaan insurans luar pesisir serta pengenalan beberapa aktiviti perniagaan insurans luar pesisir yang baru.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Insurans Luar Pesisir berpendapat bahawa peruntukan undang-undang yang kemas dan jelas adalah penting bagi memastikan industri insurans luar pesisir berkembang dengan licin dan pesat.

Secara keseluruhan, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan mengurangkan keperluan modal untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif, meringkaskan prosedur pengemukaan akaun tahunan, meningkatkan kuasa LOFSA untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan pengawalseliaan dan meluaskan aktiviti perniagaan yang dibenar bagi syarikat pengurusan insurans.

Bahagian-bahagian utama yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut.

Bahagian II, seksyen 6 akta ibu dipinda bagi mengurangkan peruntukan modal bagi menjalankan perniagaan kaptif luar pesisir daripada RM1 juta kepada RM300,000. Ini bertujuan bagi menyelaraskan dengan keperluan modal syarikat captive di IOFC yang lain serta menggalakkan kegiatan insurans kaptif di Labuan.

Bahagian IV, seksyen 21(2) akta ibu dipinda bagi memperluaskan aktiviti insurans luar pesisir di Labuan selaras dengan perkembangan dalam industri berkenaan.

Seksyen 22(2) akta ibu dipinda bagi memperluaskan kegiatan syarikat pengurus insurans supaya ia dapat memberikan perkhidmatannya kepada semua pelanggan sama ada yang didaftarkan di bawah akta ataupun tidak, melainkan mana-mana perniagaan yang dijalankan di bawah Akta Insurans 1983.

Bahagian VI, seksyen 33(2) akta ibu dipinda untuk menyelaraskan takrif pegawai-pegawai kerajaan Malaysia berikutan pemindahan fungsi daripada Bank Negara Malaysia kepada LOFSA.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan membolehkan LOFSA menjalankan tugas-tugas sebagai pengawal selia syarikat insurans luar pesisir serta syarikat yang berkaitan dengannya lebih efektif. Ia dijangka akan menggalakkan penubuhan syarikat kaptif insurans dan syarikat pengurus insurans luar pesisir di Labuan, di samping meningkatkan perkembangan dan peluang perniagaan insurans baru di Labuan.

Pada keseluruhannya pindaan-pindaan yang dicadangkan itu bertujuan memastikan industri insurans luar pesisir di Labuan berkembang seiring dengan pembangunan industri perbankan luar pesisir di Labuan serta untuk memperkemas lagi peruntukan-peruntukan akta insurans luar pesisir. Ia juga akan membolehkan LOFSA menguatkuasakan akta itu dengan lebih kemas dan berkesan dengan mengambil kira perkembangan ekonomi dan kewangan negara serta perkembangan terkini lain-lain IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Puan Kamilia.

5.40 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah memberi satu respon kepada perlunya pindaan-pindaan yang dibuat untuk akta ini bagi membolehkan peningkatan dan perkembangan

industri insurans luar pesisir negara. Kita tahu akta ini telah diluluskan dalam tahun 1990 dan sejak 6 tahun yang lalu perkembangan insurans luar pesisir ini dianggap agak lembab kerana hingga hari ini kita hanya dapati 11 syarikat yang telah dibuka untuk mengendalikan industri insurans luar pesisir ini. Ini mungkin ada sebab-sebab yang tertentu tetapi kita percaya bahawa Labuan mempunyai potensi yang tinggi terutama dalam kawasan ASEAN kerana kita hanya perlu bersaing mungkin dengan Singapura.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil tindakan yang wajar untuk terus menggalakkan industri ini terus berkembang. Salah satunya ialah dengan meminda seksyen 6 akta itu iaitu mengurangkan modal permulaan daripada RM1 juta kepada RM300,000. Ini saya percaya telah dibuat kajian dan juga telah dibuat perbandingan dengan negara-negara lain yang mana saya difahamkan bahawa Isle of Man juga hanya memerlukan RM200,000 sahaja untuk modal permulaan. Walau bagaimanapun, perlulah kita mengingatkan kepada pihak kerajaan untuk berhati-hati supaya kita perlu membuat peraturan-peraturan yang saya percaya telah adapun dan memastikan bahawa kita tidak pula menjadi satu pusat insurans luar pesisir yang akan dikerumuni oleh pelbagai syarikat yang mungkin tidak mempunyai kredibiliti, tetapi perlulah kita akan sebenarnya memberi lesen-lesen kepada syarikat-syarikat yang benar-benar berwibawa.

Seperkara lagi, dalam kita memberi galakan kepada syarikat-syarikat ini untuk datang ke Labuan untuk menjalankan kegiatan atau aktiviti insurans ini kita perlulah juga melihat kepada tindakan-tindakan untuk memantapkan lagi industri ini terutama dari segi tenaga mahir manusia bagi bidang industri ini.

Saya juga telah difahamkan bahawa kita hanya mempunyai 18 aktuari yang bertauliah dan kita mempunyai 30 syarikat insurans, iaitu 18 insurans nyawa dan 12 insurans composite. Ini mungkin bukan secara directnya kepada industri insurans luar

pesisir, tetapi pada keseluruhannya seperti yang kita tahu juga bahawa industri ini juga tertakluk di bawah akta insurans, maka ini juga merupakan satu perkara pokok yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Kita perlu memastikan bahawa tenaga mahir kita adalah mencukupi supaya industri insurans kita ini akan terus mantap, terutamanya kalau ianya merupakan industri insurans luar pesisir yang mana kita akan berdepan dengan persaingan-persaingan di peringkat antarabangsa.

Jadi, adalah dicadangkan bahawa kita perlu melihat perkara tenaga mahir terutama aktuari ini sebagai satu yang perlu diberi penekanan kerana kita tahu bahawa bidang ini adalah satu bidang yang sangat khusus dan kemahirannya tidak dapat dikuasai oleh mereka yang tidak melalui kursus ini. Contohnya, untuk kita memastikan peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak Bank Negara bagi industri insurans, kita perlukan kepakaran aktuari ini untuk memastikan peraturan-peraturan yang dikenakan itu sebenarnya dapat dilaksanakan. Jadi, adalah disarankan bahawa negara dapat bekerjasama dengan pihak kementerian yang berkaitan untuk memastikan lebih ramai lagi penuntut-penuntut yang mengambil kursus sains aktuari ini.

Seperkara lagi dalam konteks kemahiran bidang insurans ini, saya juga berpendapat bahawa perlu dibuat kajian dari aspek prinsip-prinsip Islam dan aspek fatwa, kerana dalam bidang industri insurans ini ia adalah merupakan satu bidang yang baru bagi pengguna-pengguna yang mahu mengamalkan prinsip-prinsip Islam. Kita dapati dalam keadaan insurans biasa terdapat banyak masalah untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan yang disediakan dalam insurans-insurans yang diambil oleh pengguna-pengguna. Contohnya, jikalau seorang Islam itu membeli satu insurans kesihatan untuk bapanya dan bapanya meninggal dunia, maka timbullah masalah siapakah yang menjadi

beneficiary. Begitu juga jikalau ianya seseorang bapa membeli satu insurans pendidikan untuk anaknya dan anaknya meninggal dunia.

Jadi, buat masa ini masih kurang jelas siapakah sebenarnya yang akan menjadi beneficiary kerana wang insurans atas kematian itu adalah dijadikan sebagai sebahagian daripada aset si mati. Maka ini merupakan satu yang tidak menyenangkan kepada orang-orang Islam kerana tuntutan wang insurans itu tidak dapat diperolehi. Jadi, memandangkan bahawa kita ingin berkembang dalam bidang insurans ini, bukan sahaja bagi insurans untuk orang-orang yang bukan Islam dan orang Islam yang menggunakan insurans biasa, tetapi juga adanya kehendak-kehendak orang Islam untuk menggunakan prinsip-prinsip insurans ini dalam konteks pengamalan undang-undang Islam itu sendiri.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, minta berhenti sekejap. Minta duduk sekejap. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung Yang Berhormat.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, perlulah kita melihat daripada aspek pengamalan prinsip-prinsip Islam ini dan diberi penekanan dan penyelidikan untuk menghasilkan konsep, falsafah dan amalan sistem insurans yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang kita juga percaya dan tahu bahawa prinsip-prinsip itu merupakan prinsip sejagat lagi relevan untuk dunia perniagaan yang kian mencabar. Seterusnya saya juga percaya kita juga akan dapat turut mewujudkan satu pusat insurans luar pesisir yang lebih canggih dan terkini jika tidak setanding dengan negara-negara lain seperti Hong Kong dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kedua bagi pindaan rang undang-undang yang telah dikemukakan tadi ialah untuk pengawalseliaan industri insurans luar pesisir ini, iaitu

pindaan yang dikemukakan adalah bagi Seksyen 19, Seksyen 25 dan Seksyen 32. Seksyen-seksyen ini dipinda untuk membolehkan pihak LOFSA mengadakan pengawalseliaan yang rapi dan lebih kemas bagi industri insurans ini. Kita dapati bahawa di bawah Seksyen 19(1) LOFSA boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan operasi syarikat insurans pada bila-bila masa, dan di bawah Seksyen 25 pula memperuntukkan kerahsiaan yang boleh juga diperolehi yang mempunyai maklumat berhubung hal ehwal syarikat atau akaun pemegang-pemegang polisi, dan Seksyen 32 memberi kuasa kepada menteri pada bila-bila masa mengeluarkan peraturan-peraturan bagi tujuan penyeliaan perniagaan insurans luar pesisir di Labuan.

Tiga pindaan ini adalah wajar untuk memastikan kawal selia lebih efektif untuk meningkatkan kredibiliti dan prestasi tinggi syarikat-syarikat insurans luar pesisir, di samping kita menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat insurans yang lebih kredibel. Kita tahu bahawa kredibiliti syarikat-syarikat insurans ini adalah sangat penting, dan ianya akan menentukan sama ada syarikat-syarikat insurans ini akan benar-benar dapat menepati matlamat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa syarikat-syarikat insurans luar pesisir ini adalah merupakan syarikat-syarikat yang begitu terdedah dan begitu mudah untuk kegiatan-kegiatan money laundering, dengan izin. Kita tahu money laundering, dengan izin, adalah satu kegiatan yang boleh menjahanamkan industri insurans luar pesisir ini. Dengan adanya pindaan-pindaan ini, kita dapati bahawa peruntukan-peruntukan atau undang-undang ini akan membolehkan pihak LOFSA mendapatkan maklumat-maklumat agar dapat ianya menghalang kegiatan-kegiatan terutamanya kegiatan-kegiatan fraud, termasuklah juga money laundering, dengan izin, yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, kita perlulah memastikan bahawa peraturan-peraturan yang dikenakan nanti dan apa yang dipinda ini benar-benar dapat dilaksanakan. Kerana kita tahu banyak undang-undang yang kita buat kadangkala tidak dapat dilaksanakan. Mungkin kerana kurang penguatkuasaan ataupun kurang perbelanjaan bagi penguatkuasaan atau yang lebih kita risaukan ialah kurang komitmen untuk penguatkuasaan. Justeru itu, saya merasakan perlulah kita memastikan bahawa teknologi pemerolehan dan kerahsiaan maklumat yang terkini perlulah pihak kerajaan memastikan yang kita memperolehi teknologi tersebut. Jika kita tidak mempunyai teknologi dan kemahiran dan dengan izin, know-how, untuk kita memastikan kita tahu tentang maklumat-maklumat yang perlu diperolehi, bagaimana maklumat-maklumat perlu dirahsiakan, maka pastinyalah apa yang kita idamkan ataupun yang kita mahukan mungkin tidak akan tercapai. Sebab dalam bidang insurans ini, begitu juga dengan bank kerana ia mempunyai persamaan kerana peraturan-peraturan bank dan insurans juga mempunyai persamaan-persamaan tertentu dan adalah satu bidang yang sangat kompleks.

Kalau kita lihat apa yang berlaku dengan skandal Daiwa Bank yang telah menyebabkan kerugian RM1.1 bilion dan skandal yang tidak diketahui selama 12 tahun, maka kita akan lihat bahawa betapa pentingnya kita mengetahui tentang teknologi pemerolehan maklumat dan kerahsiaan ini, dan perlunya juga pengawalseliaan oleh LOFSA ini berbentuk satu teknologi yang canggih. Jikalau tidak, kita kluatir dalam kita membuat transaksi-transaksi terutamanya transaksi-transaksi yang melibatkan negara-negara luar yang memang terbuka dengan berbagai-bagai cabaran, mungkin kita tidak akan dapat bersaing dengan perkara perubahan-perubahan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan di sini bahawa peruntukan yang diberi kepada menteri untuk membuat peraturan dari masa ke semasa juga

hendaklah digunakan dengan sereleven yang mungkin, iaitu kita perlu tahu akan perkembangan dan pembangunan undang-undang yang harus bergerak sepantas atau seiring dengan perkembangan dan pembangunan industri insurans itu sendiri. Kerana undang-undang itu perlu ada, dengan izin, reasonable possibility dan undang-undang juga perlulah dapat melihat ke depan dan dapat mengandaikan kejadian-kejadian yang berkemungkinan akan berlaku. Sebab seperti banyak kali juga kita mengingatkan bahawa kita tidak mahu undang-undang kita itu dibuat selepas berlakunya sesuatu perkara dan kemudiannya kita meminda undang-undang yang berkenaan. Ini ialah untuk memastikan bahawa undang-undang yang wujud dan diluluskan oleh Parlimen itu adalah benar-benar mempunyai kuasa dan dapat dikuatkuasakan.

Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan pihak kementerian untuk mewujudkan satu unit penyelidikan dan pembangunan undang-undang kewangan perdagangan dan perniagaan. Kerana saya berpendapat bahawa undang-undang dalam bidang ini berubah begitu pantas dan memerlukan keprihatinan dan kepekaan yang begitu tajam dan strategik. Undang-undang kawal selia yang efektif adalah sangat penting untuk dapat sentiasa kita detect atau dapat kita tahu salahlaku, salahguna kuasa, salahguna kemudahan seperti insurans dan perbankan, kerana ini kita tahu juga adalah sekarang ini dalam zaman teknologi computerisation, dengan izin, dan juga Internet dan pelbagai lagi, maka accessibility kepada maklumat-maklumat itu adalah sangat mudah, dan untuk menghalangnya juga tidak pula semudah mana yang boleh diberi kepada akses yang boleh diperolehi.

Kita tidak mahu gagal dengan penguatkuasaan undang-undang ini bertitik tolak dari peringkat penggubalannya. Pada keseluruhannya kerajaan perlu pada pendapat saya mengukuhkan unit perundangannya sama ada di peringkat kementerian itu sendiri

ataupun mungkin di peringkat Jabatan Perundangan Negara, iaitu Jabatan Peguam Negara agar antara lain pendekatan-pendekatan baru undang-undang dapat dihasilkan, kerana undang-undang seperti kita sedia maklum adalah hidup dan ianya sentiasa memerlukan idea dan inovasi-inovasi baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil ungkapan daripada Lord Danning dalam bukunya, dengan izin, *'What's Next in the Law'*. Pada pendapat Lord Danning, kita perlu hormat kepada semua yang telah dilaksanakan oleh Parlimen dan telah memberikan kuasa hak dan imuniti, tetapi marilah kita membina satu badan undang-undang yang dapat melihat bahawa kuasa itu tidak disalahguna, misuse atau di'abuse', dengan izin. Dengan gabungan upright judges, dengan izin, untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita juga dari disiplin yang sama. Izinkan saya sedikit untuk menyebut apa yang telah dikatakan oleh Lord Danning. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"It is a task which I commend to all. If we achieve it, we shall be able to say with melton. Oh, how calmly it is and how reviving to the spirit of just man long appreciate when got into the hand of their deliverer putting invisible myth, the myth of the law itself."

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tekankan di sini ialah kita perlu menggunakan kekuasaan undang-undang itu sebaik mungkin dan kita juga perlu melihat kepada undang-undang itu sebagai satu senjata untuk dapat membela nasib mereka yang akan teraniaya atau mungkin teraniaya, kerana undang-undang ini yang telah dibentangkan hanyalah merupakan satu contoh undang-undang yang banyak telah kita luluskan dan akan dikuatkuasakan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.59 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia bahawa memang benar kemajuan industri insurans luar pesisir pada masa-masa lepas adalah kurang dibandingkan dengan industri insurans luar pesisir. Jadi, kalau kita lihat sehingga 30hb. Mac, 1997 terdapat 11 syarikat insurans dan perhubungan insurans berbanding dengan 54 bank luar pesisir. Antara lain ianya memperlihatkan sektor ini masih belum lagi diterokai sepenuhnya oleh pelabur-pelabur luar pesisir atau mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan insurans luar pesisir.

Sungguhpun begitu, semenjak penubuhan LOFSA pada awal tahun 1996, dan hasil daripada usaha-usaha yang telah diambilnya, industri insurans luar pesisir di Labuan telah berkembang dengan pesat sekali di tahun kebelakangan ini. Dari segi jumlah lesen, tahun 1996 menyaksikan hampir sama jumlah lesen yang dikeluarkan, 5 lesen berbanding dengan jumlah yang dikeluarkan dalam tempoh 5 tahun sebelum ini, iaitu 6 lesen.

Lebih menggalakkan lagi ialah jumlah aset industri ini telah meningkat sebanyak 325% atau US\$105.7 juta kepada US\$138.2 juta dalam tahun 1996.

Bagi memajukan lagi industri insurans luar pesisir di Labuan ini ianya akan diberi tumpuan khusus dalam strategi pembangunan LOFSA dalam tahun 1997 termasuk

penekanan terhadap insurans kaptif dan juga apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, takaful dan takaful semula.

Sehubungan dengan itu dan sebagai langkah pertama LOFSA baru-baru ini telah membenarkan broker insurans di Labuan untuk menjalankan perniagaan broker dengan syarikat insurans di luar Malaysia dan syarikat insurans di Labuan dibenarkan menjualkan polisi insurans hayat kepada individu Malaysia bernilai tinggi ataupun high net worth.

Di samping itu dan sebagai langkah jangka panjang bagi memajukan lagi industri insurans luar pesisir di Labuan, LOFSA dengan kerjasama Bank Negara Malaysia adalah dalam proses untuk memperkenalkan beberapa langkah yang berikut:-

Pertamanya, kita akan membenarkan syarikat insurans luar pesisir dan syarikat berhubung insurans di luar meng'access' risiko Malaysia yang besar dan istimewa. Dan membenarkan syarikat insurans luar pesisir dan syarikat berhubung insurans di luar meng'access' pasaran risiko liabiliti domestik iaitu satu bidang pertumbuhan baru bagi industri insurans di Malaysia. Dan juga membenarkan pada satu masa yang sesuai syarikat insurans luar pesisir menjual produk-produk insurans yang berkaitan dengan pelaburan atau investment link insurance product kepada individu Malaysia yang bernilai tinggi.

Akta Insurans Luar Pesisir juga dibentangkan pada sidang Parlimen pada kali ini juga dan akan dipinda bagi menggalakkan pertumbuhan dan perluasan industri insurans luar pesisir di Labuan dan sepertimana yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan termasuklah mengurangkan keperluan modal untuk insurans kaptif daripada RM1 juta kepada RM300,000 sahaja supaya ianya lebih competitive berbanding dengan pusat-pusat kewangan luar pesisir yang lain.

Yang keduanya, membenarkan Pengerusi Insurans Luar Pesisir menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan untuk syarikat insurans yang tidak dilesenkan di bawah akta ini dan juga membenarkan syarikat pemastautin menubuhkan insurans kaptif dan lain-lain aktiviti berhubung insurans di Labuan.

Jadi, perubahan-perubahan bersifat pentadbiran juga telah dicadangkan di mana pemegang lesen hanya perlu menyerahkan empat salinan penyata kewangan yang telah diaudit kepada LOFSA berbanding dengan lapan pada masa sekarang dalam masa enam bulan selepas tarikh pengutipan kewangannya.

Pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai Sains Aktuari akan diambil tindakan dan buat masa ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun mengeluarkan biasiswa untuk anak-anak kita mengambil Actuary Science ini kerana ini satu bidang yang khusus dan tidak ramai anak-anak kita yang mengambil bidang ini.

Dan mengenai pengawalseliaan sepertimana yang dikatakan tadi, kita akan cuba mengelak kegiatan fraud dan money laundering dan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kuasa menteri adalah terakhir dan jika ada sesuatu yang hendak diubah, dipinda maka kuasa menteri boleh digunakan. Unit R&D dan perdagangan serta penerangan yang dicadangkan itu diambil ingatan supaya dapat kita menjalankan lagi banyak R&D. Buat masa untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kita di LOFSA sedang menjelajah ke seluruh tempat supaya dapat kita membuat perbandingan di antara LOFSA kita di Labuan dengan di tempat-tempat yang lain.

Saya juga akan mengambil ingatan tentang teguran Ahli Yang Berhormat supaya kekuasaan undang-undang itu sebaik mungkin akan membela nasib orang yang mungkin teraniaya.

Jadi, adalah diharapkan dengan pelaksanaan langkah-langkah yang di atas dan ingatan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat ianya akan dapat memberi dorongan atau 'kick start' kepada industri insurans luar pesisir di Labuan agar ianya dapat berkembang maju seiring dengan perkembangan dalam industri luar pesisir kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN TERHAD LUAR PESISIR LABUAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memperuntukkan undang-undang baru bagi penubuhan pengawalseliaan dan pembubaran, perkongsian terhadap luar pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ataupun LOFSA iaitu sebuah agensi sehenti yang bertanggungjawab memajukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) sedang berusaha memperkemaskan struktur perudangan di Labuan untuk menarik minat lebih ramai lagi pelabur mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan luar pesisir. Sehubungan itu adalah difikirkan perlu bagi kerajaan menggubal satu akta baru iaitu Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan yang merupakan salah satu aktiviti penting di IOFC Labuan di samping aktiviti perbankan dan insurans. Pada dasarnya akta tersebut bertujuan untuk mempelbagaikan bentuk perniagaan luar pesisir yang sedia ada di Labuan di samping memajukan Labuan sebagai sebuah IOFC yang berwibawa. Akta seumpama ini telahpun diperkenalkan di kebanyakan pusat kewangan luar pesisir terkemuka antarabangsa seperti di Jersey, Bahamas, Cook Islands dan Bermuda yang dipercayai berjaya menyumbang ke arah perkembangan pesat industri kewangan luar pesisir mereka.

Pada amnya tujuan utama penggubalan akta ini ialah seperti berikut:

Membenarkan penubuhan satu bentuk perkongsian baru yang berbeza dengan bentuk perkongsian yang sedia ada di dalam Akta Perkongsian 1961. Di dalam Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir dua rakan kongsi yang dikenali sebagai rakan kongsi aman dan terhad akan menubuhkan suatu perkongsian terhad luar pesisir di mana rakan kongsi aman diberi hak mengurus hal ehwal pentadbiran perkongsian serta liabiliti terhadap hutang dengan kewajipan perkongsian yang tidak terhad manakala liabiliti rakan kongsi terhad hanya dihadkan kepada jumlah dana yang dipersetujuinya sebagaimana terkandung dalam perjanjian perkongsian yang ditandatangani bersama dengan rakan kongsi aman.

Memperkenalkan satu bentuk pelaburan baru untuk dana bersama ataupun dengan izin, mutual fund dan dana modal teroka, dengan izin, venture capital funds. Dua buah syarikat luar pesisir boleh membentuk perkongsian untuk sesuatu projek di mana sebuah syarikat bertanggungjawab menguruskan perkongsian dan sebuah syarikat lagi menyumbang dana untuk perkongsian.

Dan faedah percukaian di mana cukai yang dikenakan terhadap perkongsian terhad mempunyai beberapa ciri yang membolehkan individu mendapat faedah yang lebih meluas daripada Perjanjian Cukai Dua Kali (DTA). Sifat-sifat utama perkongsian terhad luar pesisir yang diperuntukkan dalam rang undang-undang itu adalah seperti berikut:

- (i) Peruntukan mengenai penubuhan perkongsian luar pesisir iaitu akta yang tersebut menghendaki supaya pendaftarannya dibuat dengan LOFSA melalui syarikat amanah di Labuan. Segala pindaan yang dibuat terhadap dokumen 'constituent'nya hendaklah dimaklumkan kepada LOFSA dan segala hak serta tanggungjawab di antara seseorang rakan kongsi dengan yang lain adalah seperti yang terkandung dalam perjanjian perkongsian.

Pemastautin dibenar menjadi rakan kongsi selaras dengan persetujuan kerajaan membenarkan pemastautin memiliki syarikat luar pesisir. Bagaimanapun perkongsian tersebut adalah tertakluk kepada segala sekatan dan larangan yang terpakai ke atas syarikat luar pesisir.

- (ii) Peruntukan mengenai jenis-jenis perkongsian terhad yang boleh ditubuhkan. Akta tersebut membenarkan tiga jenis perkongsian terhad luar pesisir ditubuhkan iaitu:

Perkongsian Terhad Am Luar Pesisir;

Perkongsian Terhad Profesional Luar Pesisir; dan

Perkongsian Terhad Projek Luar Pesisir.

Perkongsian di atas berbeza di antara satu sama lain dari segi jenis rakan kongsi yang boleh menubuhkan perkongsian, bentuk perniagaan yang boleh dijalankan dan cara pembubaran sesuatu perkongsian itu.

- (iii) Peruntukan mengenai pengawasan. Pengawasan yang akan dibuat oleh LOFSA adalah berpatutan dan sejajar dengan konsep perniagaan luar pesisir, dengan itu sebarang perkongsian yang dibuat, hendaklah memfailkan dokumen asas dengan LOFSA dan ketika penubuhan, perkongsian harus mengemukakan segala dokumen berkaitan sekiranya diminta oleh LOFSA.

- (iv) Peruntukan melindungi rakan kongsi terhad. Akta itu memberi perlindungan kepada rakan kongsi terhad. Rakan kongsi terhad tidak terdedah kepada liabiliti perkongsian melainkan apa yang

telah dipersetujuinya dalam perjanjian perkongsian itu. Ia juga tidak boleh disabitkan terhadap segala tindakan rakan am yang menyalahi mana-mana peruntukan akta.

- (v) Peruntukan mengenai pembubaran perkongsian terhad. Sesuatu perkongsian boleh dibubarkan menurut peruntukan yang terkandung di dalam perjanjian perkongsian secara memfailkan notis pembubaran dengan LOFSA. Jika perkongsian itu digulung, penggulungan ataupun liquidator tidak perlu dilantik dan penggulungan boleh dilakukan oleh rakan kongsi am. Prosedur pembubaran ataupun penggulungan perkongsian ini adalah murah, mudah dan cepat. Bagaimanapun jika penggulungan dibuat atas perintah mahkamah, penggulungan itu adalah tertakluk kepada sebarang perintah yang diputuskan oleh mahkamah.

Secara keseluruhannya rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan memastikan kesinambungan pembangunan Labuan sebagai sebuah IOFC agar seiring dengan pembangunan yang terdapat di lain-lain IOFC dunia yang terkemuka serta memperkemaskan lagi struktur perundangan yang sedia terpakai di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memperuntukkan undang-undang baru bagi penubuhan, pengawalseliaan dan pembubaran perkongsian terhad luar pesisir

dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

6.14 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian, tetapi saya hanya ingin menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan ini juga adalah salah satu daripada usaha-usaha kerajaan untuk mengembangkan pusat kewangan luar pesisir antarabangsa di Labuan.

Apa yang saya dapati dalam peruntukan undang-undang ini ialah tentang rakan kongsi yang tidak disebut siapakah dia yang boleh menjadi rakan kongsi.

Saya hanya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, adakah rakan kongsi ini ia merupakan satu rakan kongsi yang terlalu terbuka dan ianya tidak mengambil kira sama ada kita mempunyai perhubungan diplomatik atau tidak dengan negara-negara pihak yang akan menjadi rakan kongsi kepada perkongsian yang dibenarkan mengikut akta ini. Tentunya dengan satu akta akan diikuti dengan peraturan-peraturan dan peraturan-peraturan itu pada hemat saya perlulah memberikan peruntukan-peruntukan yang lebih terperinci negara-negara yang mana warganegaranya boleh menjadi rakan kongsi bagi tujuan akta ini. Kerana dalam konteks perniagaan sekali pun, walaupun kita mengatakan perkembangan globalisasi dan sebagainya, tetapi dari segi perhubungan diplomasi dan perhubungan politik, kita perlu mengenakan syarat-syarat tertentu. Saya percaya Israel ataupun warganegara Israel tidak akan dibenarkan untuk menjadi rakan kongsi.

Seperkara lagi yang saya lihat dalam akta ini ialah mengenai pengawasan yang dibuat oleh LOFSA dan kita dapati bahawa ianya juga merupakan satu peruntukan yang liberal, memberikan satu peluang untuk satu-satu perkongsian dibuat dengan mudah. Kita dapati bahawa diperuntukkan juga dalam akta ini, bahawa rakan kongsi terhadap ini juga diberi perlindungan yang ianya tidak terdedah kepada liabiliti perkongsian, melainkan apabila dipersetujui dalam perjanjian perkongsian itu. Juga tidak boleh disabitkan terhadap segala tindakan rakan am yang menyalahi mana-mana peruntukan akta ini. Jadi, pada hemat saya ini adalah merupakan satu peruntukan yang juga sangat luas dan ini mungkin akan menyebabkan atau mungkin menggalakkan rakan kongsi perniagaan yang mungkin tidak serius, yang mana kita akan dapati, mungkin dari segi perniagaan ianya adalah perkara yang biasa, tetapi tentulah ada juga peraturan-peraturan tertentu untuk memastikan bahawa rakan kongsi yang diwujudkan kerana sesuai dengan falsafah dan matlamat rang undang-undang untuk menggalakkan perkongsian bahawa perkongsian yang diwujudkan itu sekurang-kurangnya merupakan satu perkongsian yang dapat memberi satu manfaat kepada satu perniagaan dan bukannya nanti ianya akan merupakan satu perkongsian MoU yang tidak dapat dilaksanakan, kerana ikatan-ikatan dan liabilitinya terlalu longgar.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga lagi sekali ingin mengingatkan tentang penguatkuasaan bagi pengawasan ini perlulah juga dikaji untuk memastikan bahawa penguatkuasaan ataupun penguasaan atau kuasa yang diberi kepada LOFSA ini akan dapat dilaksanakan dan ianya tidak hanya merupakan satu akta yang membuat peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan undang-undang setakat untuk mewujudkan satu struktur undang-undang yang mengatakan dalam konteks perniagaan offshore di Labuan ini.

Kita mempunyai undang-undang, tetapi undang-undang tersebut tidak merupakan undang-undang yang benar-benar merupakan undang-undang yang sebenarnya dapat mewujudkan satu perniagaan, satu aktiviti perdagangan yang dapat memberi kredibiliti di peringkat antarabangsa. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi yang hendak bahas, dijemput Yang Berhormat Menteri.

6.17 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim sekali lagi yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini.

Mengenai jenis perkongsian yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bahawa akta yang telah kita terangkan tadi membenarkan tiga jenis perkongsian luar pesisir terhad ditubuhkan.

- (i) perkongsian terhad am luar pesisir;
- (ii) perkongsian terhad profesional luar pesisir; dan
- (iii) perkongsian terhad projek luar pesisir.

Jadi, perkongsian di atas adalah berbeza di antara satu sama lain, berhubung dengan jenis rakan kongsi yang akan menubuhkan perkongsian tersebut, jenis perniagaan yang boleh dijalankan dan cara pembubaran sesuatu perkongsian itu.

Mengenai pengawalseliaan yang dibuat oleh LOFSA, pengawal seliaan itu adalah berpatutan sejajar dengan konsep perniagaan luar pesisir. Walau bagaimanapun, perkongsian tersebut dikehendaki memfailkan dokumen asas dengan LOFSA. Sewaktu

penubuhan perkongsian tersebut juga perlu mengemukakan apa sahaja bentuk dokumen jika dikehendaki oleh LOFSA.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai perlindungan rakan kongsi terhad. Akta ini juga telah memberi perlindungan terhadap rakan kongsi terhad. Rakan kongsi terhad dia akan bertanggungjawab dan terdedah kepada liabiliti perkongsian tersebut, melainkan apa yang telah dipersetujuinya dalam perjanjian perkongsian. Ianya juga tidak boleh disabitkan terhadap segala tindakan rakan-rakan am yang menyalahi mana-mana peruntukan akta ini.

Yang Berhormat juga telah menyatakan dan menanyakan mengenai siapa boleh menjadi rakan kongsi ini, sama ada kita ada diplomatic ties atau tidak. Jawapannya ialah sesiapa sahaja boleh menjadi rakan kongsi di bawah akta ini, tidak kira ada hubungan diplomatik atau tidak. Namun begitu, Menteri Kewangan boleh melarang sesuatu perkongsian tersebut menjalankan suatu perniagaan atau melarang sesuatu perkongsian dari ditubuhkan jika perlu. Jadi, di sinilah kita melihatkan bahawa kuasa menteri boleh menentukan perkongsian-perkongsian yang berkenaan. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG NOTARI AWAM (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk membinda Akta Notari Awam 1959 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan seseorang Notari Awam dibuat oleh Peguam Negara di bawah seksyen 3, Akta Notari Awam 1959. Pada awalnya apabila seseorang dilantik menjadi Notari Awam tempoh perlantikan itu tidak dinyatakan. Ini bererti bahawa beliau menjadi Notari Awam sepanjang hajatnya. Perlantikan seseorang Notari Awam hanya boleh dibatalkan jika namanya telah dipotong daripada daftar peguambela atau ia didapati telah menjalankan fungsi-fungsinya sebagai Notari Awam di luar tempat amalannya. Dalam tahun 1980 melalui Akta A/501 Akta Notari Awam 1959 ini telah dipinda dengan memberi Peguam Negara kuasa budibicara untuk menentukan tempoh perlantikan. Pindaan melalui Akta A/501 itu dibuat untuk memudahkan pengawasan dan pengawalseliaan dibuat terhadap Notari Awam. Pindaan ini hanya mula berkuatkuasa pada 1hb. Ogos, 1991 melalui PU(B)386/1991.

Sejak tarikh 1hb. Ogos, 1991 itu Peguam Negara telah melantik Notari Awam selama suatu tempoh tertentu iaitu pada mulanya satu tahun dan kemudiannya dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada pindaan yang berkuatkuasa mulai 1hb. Ogos, 1991 itu wujudlah dua kategori Notari Awam iaitu yang dilantik sebelum tarikh ini yang perlantikannya adalah untuk sepanjang hayat dan yang dilantik selepas tarikh itu, yang menjadi Notari Awam hanya selama suatu tempoh tertentu. Kerajaan berpendapat bahawa wajarlah tempoh perlantikan semua Notari Awam diselaraskan. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada seksyen 3 Akta Notari Awam 1959 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang mengehendkan tempoh perlantikan seseorang Notari Awam yang tempoh perlantikannya tidak dinyatakan dalam surat perlantikannya kepada dua tahun sahaja selepas tarikh subseksyen (1A) itu mula berkuatkuasa. Namun demikian, beliau boleh dilantik semula di bawah subseksyen 3(1) iaitu untuk selama suatu tempoh yang ditentukan. Ini diperuntukkan dalam subseksyen (1B) yang juga dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sungguhpun saya telah katakan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas, oleh kerana jam sudah cukup 6.30 petang....

6.29 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Ada satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua ... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bahaskah?

Tuan Yim Chee Chong: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bahas.....

Tuan Yim Chee Chong: Buat sementara waktu 1 minitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit saya rasa tidak sempat.

Tuan Yim Chee Chong: Sambung besok ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung besoklah.

Tuan Yim Chee Chong: Jadi, saya berbahas

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu mula besok?

Tuan Yim Chee Chong: Saya berbahas satu minit, kemudian sambung besok.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Notari Awam 1997, untuk meminda Akta Notari Awam 1959.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Notari Awam 1959, maklumlah kita iaitu seseorang Notari Awam dilantik adalah tidak menyatakan tempoh perlantikannya. Kalau seorang yang berumur 80 tahun atau 90 tahun, maka beliau boleh menjadi seorang Notari Awam sampai berumur 90 tahun. Tempoh adalah sangat mustahak kerana tempoh tidak dinyatakan dalam akta yang lama itu, jadi pada hemat saya adalah kelemahan Akta Notari Awam tahun 1959. Seseorang yang berhenti menjadi seorang Notari Awam adalah:

Pertama, kalau beliau instruck off from the law ataupun seseorang peguambela dan dan peguamcara Mahkamah Tinggi namanya dikeluarkan dari daftar peguambela dan peguamcara.

Kedua, kalau beliau telah menjalankan apa-apa fungsi Notari Awam di luar tempoh amalannya.

Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Sudah satu minit ya.

Tuan Yim Chee Chong: Lebih satu minit ya. Jadi, saya minta kebenaran untuk menyambung pada hari besok.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung besok ya.

Tuan Yim Chee Chong: Ya. Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa saya besok.
Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan pada hari besok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.